

## BAB SATU

### SEJARAH PERKEMBANGAN SASTERA DI SARAWAK

#### 1.1 Pengenalan

Bab ini akan mengkaji sejarah perkembangan sastera di Sarawak secara umum bermula pada tahun 1876 hingga 1998. Perkembangan diteliti dari sudut penerbitan, buku sastera, kegiatan penulis dan persatuan penulis di Sarawak dan faktor-faktor perkembangan sastera di Sarawak. Penelitian terhadap sejarah perkembangan akan dilakukan berdasarkan tahap demi tahap. Tahap tersebut ialah:

1. Perkembangan Sastera Tahun 1876 – 1929
2. Perkembangan Sastera Tahun 1930 – 1959
3. Perkembangan Sastera Tahun 1960 – 1976
4. Perkembangan Sastera Tahun 1977 – 1998

#### 1.2 Perkembangan Sastera Di Sarawak Tahun 1876 – 1929

Perkembangan kegiatan sastera yang agak tersusun di Sarawak ditandai dengan penemuan tulisan yang lengkap dengan tarikh penulisannya (penerbitannya) iaitu sebuah naskhah berjudul *Hikayat Panglima Nikosa* (HPN). HPN dicetak dalam bentuk cap batu (cetakan lito) bertarikh 30 Jun 1876 yang

ditulis oleh Ahmad Shawal bin Abdul Hamid.<sup>1</sup> Berdasarkan tarikh penulisannya, hikayat ini dihasilkan pada masa pemerintahan Charles Brooke (1868 – 1917) iaitu Raja Sarawak kedua. Ahmad Shawal bin Abdul Hamid dikatakan berasal dari Minangkabau dan dibawa oleh James Brooke ke Sarawak sebagai jurutulis.<sup>2</sup> Inilah naskhah sastera yang terawal pernah ditemui oleh pengkaji sastera setakat ini di Sarawak.

Sebagai jurutulis kepada kerajaan Sarawak di bawah Raja James Brooke, pengarang ini memang mempunyai kesempatan untuk menghasilkan penulisan berat walaupun pada tempoh tersebut kegiatan penulisan sastera dapat dirasakan sebagai amat asing kepada penduduk tempatan. Cuma tidaklah dapat dipastikan sama ada kegiatan penulisan *Hikayat Panglima Nikosa* ini diketahui oleh raja Charles Brooke ketika itu.

Penghasilan *Hikayat Panglima Nikosa* dianggap sebagai penanda kepada bermulanya kegiatan sastera yang tersusun di Sarawak.<sup>3</sup> Karya ini bercetak dan lengkap dengan nama pengarangnya Ahmad Shawal bin Abdul Hamid dengan tarikh 30 Jun 1876. Maklumat nama pengarang serta tarikh penerbitan yang jelas menunjukkan sudah wujud kesedaran untuk mempertanggungjawabkan

---

<sup>1</sup>Hamzah Hamdani, “Pemikiran Dalam *Hikayat Panglima Nikosa*”, dlm. *Wajah Sastera Sarawak*, DBP, Kuala Lumpur, 1998, hlm 182.

<sup>2</sup>Ibid.

<sup>3</sup>HPN yang digunakan dalam kajian ini asalnya adalah hasil koleksi Sir Hugh Low yang pernah berkhidmat sebagai setiausaha kerajaan Labuan selama 29 tahun sebelum menjadi Residen Perak (1877-1889). Judul asal buku ini ialah *Hikayat Panglima Nikosa Mendapat Kesusahan Waktu Perang Sampai Mendapat Kemenangan*. Buku ini tersimpan di Perpustakaan Rhodes Hause, Oxford, London. Menurut catatan pada halaman 29, buku ini tercap di atas batu di Bukit Persinggahan, Kuching, Sarawak pada 8 Jamadilakhir 1293 bersamaan 30 Jun 1876. Ukuran besarnya 15.6 x 20 CM dengan ketebalan 29 halaman. Penerbitan buku ini diusahakan sendiri oleh Ahmad Shawal Abdul Hamid.

hasil cipta pengarangnya. Ini juga sebagai asas kepada era sastera moden di Sarawak.

Memang ada naskhah lain yang kelihatannya lebih tua usia penghasilannya berbanding *Hikayat Panglima Nikosa* yang ditemui di Sarawak tetapi naskhah berkenaan tidak mencatatkan tarikh serta nama pengarang. Bahkan naskhah berkenaan tidak dapat dibuktikan ditulis dan dicetak di Sarawak.

Secara kebetulan *Hikayat Panglima Nikosa* dihasilkan pada tempoh yang sama akhbar *Jawi Peranakan* diterbitkan di Singapura oleh syarikat Jawi Peranakan Company.<sup>4</sup> Walau bagaimanapun tidaklah dapat dikaitkan bahawa penghasilan *Hikayat Panglima Nikosa* adalah pengaruh daripada akhbar berkenaan atau pengaruh daripada kesedaran bersastera di Singapura dan Tanah Melayu ketika itu.

Lebih awal daripada itu sebenarnya sudah ada kegiatan penulisan yang jelas iaitu melalui penerbitan *The Sarawak Gazette* yang diterbitkan oleh kerajaan Brooke dan dicetak oleh Pejabat Cetak Kerajaan, (kemudian dikenali Jabatan Cetak Negara). Keluaran pertama *The Sarawak Gazette* ialah pada 28 Ogos 1870.<sup>5</sup>

Penerbitan ini merupakan surat berita rasmi kerajaan Brooke yang memuatkan berita kenyataan rasmi, pemberitahuan, rencana ringkas sama ada

---

<sup>4</sup>Md. Sidin Ahmad Ishak, *Penerbitan dan Percetakan Buku Melayu 1807-1960*, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 1988, hlm. 82.

<sup>5</sup>*Sarawak Government Almanac*, 1998.

asli ataupun terjemahan. Sekali sekala terbitan ini turut menampung ruangan dalam bahasa Melayu tulisan rumi dan Jawi.<sup>6</sup>

Selepas tempoh tersebut iaitu antara 1876 hingga 1930 tidak dapat dikesan dengan pasti akan kegiatan bersastera di Sarawak. Jangka masa sekitar 55 tahun selepas terbitnya *Hikayat Panglima Nikosa* dapat dianggap tiada kegiatan sastera terutamanya dalam aspek penghasilan karya.

Namun demikian terdapat naskhah Melayu yang tersimpan di Muzium Sarawak yang dapat dikaitkan dengan wujudnya kegiatan bersastera di Sarawak. Naskhah ini dikumpulkan oleh Encik Tom Harrison di daerah Limbang yang bersempadan dengan Brunei.<sup>7</sup>

Terdapat 20 naskhah Melayu tersebut yang tersimpan di Muzium Sarawak. Berdasarkan beberapa tanda dan kenyataan yang terdapat naskhah itu, besar kemungkinan cerita-cerita itu berasal dari negara Brunei dan pada masa dulu kepunyaan keluarga diraja Brunei dan pembesar-pembesarnya. Pada naskhah 3, ada tercatat kenyataan ini: “bahawa ini alamat surat Pangiran Jebaidah ibn Pangiran Antu Abim Muhammad ibn Duli Seri Paduka Yang Maha Mulia Pangiran Pemanca Mohd. Salleh.”<sup>8</sup>

Catatan yang sama juga terdapat pada naskhah 13. Nama *Pangiran Jebaidah* (Zubaidah?) pada naskhah 29. Pada naskhah 2 pula tercatat ia kepunyaan Pangiran Nur Halim ibn Duli Paduka Pangiran Pemancha. Naskhah 18 pernah dibaca oleh Pangiran Pemancha Mohd. Salleh diberi tarikhnya iaitu

<sup>6</sup>Mohamad Driss, “Perkembangan Kesusasteraan Malaysia di Sarawak: Satu Pendekatan Dari Sudut Sejarah” dlm. *Wajah Sastera Sarawak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 55.

<sup>7</sup>Abu Hasan Sham, “Naskhah-Naskhah Melayu Di Muzium Sarawak” dlm. *Wajah Sastera Sarawak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, hlm. 42.

<sup>8</sup>*Ibid.*

pada 4 September 1918. Pada naskhah 14 tercatat nama tuannya sebagai Dayangku Besar ibn Awang Bakar. Pada naskhah 19, ada catatan berikut: “dihadiahkan oleh isteri Duli Pangiran Pemancha Brunei kepada Haji Abdul Rahman dan isteri”.<sup>9</sup>

Menurut Abu Hassan Sham, dengan penggunaan perkataan ‘Pemancha’, ‘Pangiran’ dan ‘Dayangku’ sudah jelas kelihatan nama-nama gelaran dalam kesultanan Melayu Brunei. Mengikut “Silsilah Raja-Raja Brunei”, kedudukan Pangiran Pemancha adalah orang besar yang ketiga iaitu selepas jawatan Pangiran Bendahara, Pangiran Digadong dan Pangiran Temenggong.<sup>10</sup>

Berasaskan kenyataan bahawa 29 naskhah Melayu yang terdapat tersimpan di Muzium Sarawak berasal dari Brunei, maka tidaklah dapat dianggap penemuan naskhah tersebut sepenuhnya membuktikan adanya kegiatan penulisan sastera di Sarawak. Daerah Limbang iaitu tempat naskhah itu dikumpulkan oleh Tom Harisson juga pada asalnya adalah sebahagian daripada empayar kesultanan Brunei.<sup>11</sup>

Catatan tarikh pada naskhah 18 (4 September 1918), naskhah 13 Pemancha Salleh pernah membaca pada (27 Oktober 1910) dan naskhah 14 – 25 (4 November 1918), membuktikan bahawa sudah berjalan usaha penyusunan, penulisan dan pembacaan karya sastera ketika itu di Limbang dan khususnya Brunei oleh golongan raja dan pembesar mereka. Amalan memberi

---

<sup>9</sup>*Ibid.*

<sup>10</sup>Abu Hassan Sham, “Naskhah-Naskhah Melayu Di Muzium Sarawak, hlm. 44.

<sup>11</sup>Limbang merupakan sebuah bahagian yang bersempadan dengan Brunei. Ia merupakan kawasan yang terakhir diserahkan oleh Brunei kepada Charles Brooke iaitu pada 1915. Dari segi hubungan penduduk Limbang dan Brunei mempunyai pertalian keluarga yang masih rapat hingga sekarang. Dialek pertuturan yang digunakan dalam pergaulan harian juga adalah sama.

hadiah buku kepada orang lain yang wujud itu juga memperlihatkan sikap penghargaan kepada ketinggian nilai ilmu dan nilai sastera.

Hampir kesemua naskhah tersebut bersifat fiksyen. Malah menurut Abu Hassan Sham, agak sukar juga untuk menentukan sama ada ia dapat dimasukkan sebagai cerita lipur lara, roman Hindu-Islam. Tetapi jika dilihat pada pengaruh yang terdapat didalamnya, ada semacam pertembungan unsur kebudayaan Hindu-Islam dan sesetengahnya dipengaruhi oleh cerita dari Jawa.<sup>12</sup>

Daripada 29 naskhah itu hanya empat yang mempunyai judul yang hanya ditulis dengan pensel oleh penyalinnya. Naskhah 2 berjudul “*Tuan Puteri*”, naskhah 29 berjudul “*Hikayat Dang Pandang Larangan*”, naskhah 13 berjudul “*Ini Jing Gelan Syah Alam Basyar*” dan naskhah 27 berjudul “*Surat ada Utusan Mambang dan Raja Bongsu*”.

Selain *Hikayat Panglima Nikosa* yang diterbitkan pada 1876 dan 29 naskhah Melayu yang ditemui oleh Tom Harrison di Limbang yang bertarikh antara 1910 hingga 1918, tidak ditemui karya sastera lain sebagai bukti wujudnya kegiatan penulisan sastera di Sarawak. Walaupun dalam tempoh tersebut, iaitu sekitar 1906, Md. Sidin Ahmad Ishak yang meneliti Singapore and The Strait Directory 1891, mengesan wujudnya sebuah syarikat Lithographic Press yang dimiliki oleh seorang yang bernama Bakar beroperasi di Sarawak, namun sejauh mana kegiatannya tidaklah diketahui dengan jelas.<sup>13</sup>

---

<sup>12</sup>Abu Hassan Sham, “Naskhah-Naskhah Melayu Di Muzium Sarawak”, hlm. 44.

<sup>13</sup>Md. Sidin Ahmad Ishak, *Penerbitan dan Percetakan Buku Melayu 1806-1960*, hlm. 77.

Ahmad Shawal bin Abdul Hamid juga sebenarnya memiliki perusahaan percetakan di Bukit Persinggahan, Kuching. Setakat mana usaha beliau dalam penerbitan karya sastera serta percetakan buku juga tidak dapat dikesan dengan jelas.

Ketiadaan usaha menulis dan menerbitkan karya sastera selepas terhasilnya HPN mungkin berpunca daripada tahap pendidikan iaitu kenal huruf yang masih rendah ketika itu. Jumlah murid terutamanya bumiputera yang bersekolah masih lagi rendah.

Kontak dengan luar terutamanya Tanah Melayu dan Singapura juga masih terbatas. Perkara ini mungkin melambatkan kesedaran serta minat untuk bersastera secara yang lebih moden melalui penerbitan karya. Hanya selepas tempoh tersebut barulah kegiatan sastera di Sarawak mulai berkembang.

### 1.3 Perkembangan Sastera di Sarawak Tahun 1930 – 1959

Perkembangan kegiatan sastera yang lebih jelas di Sarawak dapat dianggap bermula pada tahun 1930-an. Ini dapat dilihat melalui usaha yang telah dijalankan oleh Muhammad Rakawi Yusuf<sup>14</sup> dalam bidang penulisan

---

<sup>14</sup>Muhammad Rakawi Yusuf dikatakan berasal dari Minangkabau. Tarikh lahir beliau tidak diketahui dengan tepat tetapi dijangkakan beliau lahir pada penghujung abad kesembilan belas. Beliau menetap di Kampung No. Tiga, Jalan Muhibbah, Kuching. Mendapat pendidikan awal di sekolah St. Joseph, Kuching dan kemudian di Madrasah Melayu, Kuching. Pernah menjadi guru sebelum berkhidmat sebagai pegawai kastam. Beliau turut mengajarkan agama Islam kepada orang Melayu dan mengajarkan bahasa Melayu kepada orang Cina dan orang Inggeris. Setelah meletak jawatan sebagai pegawai kastam beliau mencuburi perniagaan buku dan percetakan. Beliau juga menubuhkan Syarikat Putera Sarawak yang mengusahakan percetakan bersama Haji Abdul Rahman Haji Kassim, Haji Daud Abdul Ghani, Muhamad Mamon Nor dan Mohd. Johari Anang. Biaya operasi syarikat ini ditanggung oleh Muhamad Rakawi melalui wang gratuiti beliau semasa menjadi pegawai kastam. Muhamad Rakawi juga adalah tokoh pengasas akhbar berbahasa Melayu yang pertama di Sarawak iaitu *Fajar Sarawak* (1932). Beliau adalah pengasas pertubuhan Liga

novel. Beliau merupakan novelis pertama Sarawak dengan menghasilkan novel *Melati Sarawak* pada tahun 1932.

Novel *Melati Sarawak* selesai dikarang pada penghujung tahun 1931. Pada tahun berikutnya, novel tersebut berjaya diterbitkan dalam tulisan Jawi setebal 116 halaman. Pencetaknya ialah The Sarawak Printing Company, syarikat percetakan kepunyaan Haji Abdul Rahman, seorang peniaga keturunan Minangkabau. Pada tahun 1980 novel ini diterbitkan semula oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dengan tujuan agar sumbangan Muhamad Rakawi Yusuf diketahui oleh peminat sastera dan rakyat Malaysia seluruhnya.<sup>15</sup>

Penghasilan novel *Melati Sarawak* adalah seiring dengan perkembangan yang berlaku di Tanah Melayu ketika itu. Era 1920-an merupakan detik kemunculan novel sebagai penanda sastera moden bertapak dengan jelas di Malaysia. Hal diwakili dengan terbitnya novel *Hikayat Faridah Hanum* (1925) oleh Syed Sheikh al-Hadi dan *Kawan Benar* (1927) oleh Ahmad Haji Muhammad Rashid Talu.

Berdasarkan tahun penerbitan novel *Melati Sarawak* iaitu pada tahun 1932, Philip Lee Thomas meletakkan Muhamad Rakawi Yusuf sebagai novelis kedelapan di Malaysia. Inilah satu-satunya karya prosa yang agak panjang yang pernah ditulis oleh anak tempatan di Malaysia Timur atau di Brunei sebelum Perang Dunia Kedua.<sup>16</sup>

---

<sup>15</sup>Hamzah Hamdani, “*Melati Sarawak*: Satu Pembicaraan Tentang Tema dan Persoalan” dlm. *Wajah Sastera Sarawak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 192.

<sup>16</sup>Hazami Jahari, Novel-Novel Penulis Sarawak: Satu Pembicaraan Umum, Latihan Ilmiah, Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya, 1992, hlm. 68.

Melati Sarawak merupakan sebuah novel yang menarik hati, terutama dalam aspek tema atau persoalan. Walaupun ia adalah novel yang awal, tetapi pengarang tidak menyadur karya-karya novel yang terbit di Semenanjung atau tempat-tempat lain.<sup>17</sup>

Seperti kebanyakan novel sezaman dengannya di Tanah Melayu, *Melati Sarawak* juga menggarap hal atau permasalahan yang hampir serupa iaitu sekitar pergolakan masyarakat zaman tahun 20-an dan awal 30-an.<sup>18</sup> Muhamad Rakawi Yusuf mengutarakan bagaimana permainan gendang Melayu menjadikan masyarakat ketika itu lalai daripada mengejar kemajuan berbanding kaum-kaum lain. Keasyikan pemuda dan pemudi Melayu terhadap gendang menyebabkan mereka menjadi lemah dan kurang berupaya untuk berusaha meningkatkan ekonomi bangsa dalam apa juga bidang. Inilah yang menyebabkan bangsa Melayu di Kuching ketika itu ketinggalan dalam bidang ekonomi, pelajaran dan aspek kehidupan seharian.

---

<sup>17</sup>Hamzah Hamdani, “*Melati Sarawak*: Satu Pembicaraan Tema dan Persoalan”, hlm. 193.

<sup>18</sup>Ibid.

Kritikan pengarang melalui novel terhadap tradisi yang tidak menguntungkan ini sesuai dengan peranan sastera untuk memberi pengajaran. Menurut Abu Bakar Hamid, hampir semua tulisan mengenai cereka sebelum perang dengan tegas menyatakan betapa perlunya terdapat dalamnya pengajaran baik bersifat moral mahupun agama ataupun semangat kebangsaan.

<sup>19</sup>

Selain menghasilkan *Melati Sarawak*, Muhamad Rakawi Yusuf juga menulis buku sejarah berjudul *Hikayat Sarawak*. Buku ini telah diterbitkan dalam tahun 1932 dalam dua jilid.<sup>20</sup> Inilah satu-satunya buku sejarah Sarawak tulisan anak tempatan. Ia juga diterbitkan dalam tulisan jawi. Keseluruhannya mengisahkan sejarah awal kesultanan Brunei, salsilah kesultanan serta corak pemerintahannya. Hikayat ini juga membincangkan asal usul dan suku kaum di Borneo serta penubuhan Dinasti Brooke.<sup>21</sup>

Sumbangan Muhamad Rakawi Yusuf dalam perkembangan sastera di Sarawak juga dihubungkan dengan usaha gigih beliau bersama Haji Abdul Rahman Haji Kassim, Mohd Johari Anang dan Mohamad Ma'mon Nor menerbitkan akhbar Melayu pertama Sarawak dengan nama *Fajar Sarawak*. Akhbar ini mulai diterbitkan pada bulan Februari 1930. Malangnya akhbar ini hanya berjaya diterbitkan sebanyak 10 keluaran sahaja iaitu hingga keluaran 16 Jun 1930.<sup>22</sup>

---

<sup>19</sup>Ibid.

<sup>20</sup>Ibid.

<sup>21</sup>Ibid., hlm. 192.

Walaupun tidak banyak yang dapat diperkatakan tentang akhbar *Fajar Sarawak*, sumbangannya terhadap bidang persuratan di Sarawak wajar diakui.<sup>23</sup> Tujuan penerbitan *Fajar Sarawak* jelas sekali dikaitkan dengan maksud politik dan agama. Politik dalam erti kata mahu mempertingkat kesedaran orang Melayu tentang kedudukan mereka dari segi ekonomi, politik dan sosial berbanding bangsa-bangsa lain. Dari segi agama pula, akhbar ini menjadi wadah untuk menyebarkan semangat keislaman pengaruh daripada semangat nasionalisme negara-negara Islam terutamanya dari Turki.

Di kepala akhbar ini bertulis tujuan *Fajar Sarawak*. Tujuannya adalah untuk memberikan perkhabaran am, pengajaran dan penghiburan. Tetapi melihat kepada tulisan-tulisan yang tersiar di dalamnya, Hajijah Jais lebih cenderung menyatakan bawa akhbar ini sebenarnya lebih condong kepada kepentingan politik dan agama terutamanya bagi kepentingan golongan Melayu dan bumiputera lain.<sup>24</sup>

Bahan-bahan yang dimuatkan dalam *Fajar Sarawak* hampir semuanya berita daripada akhbar di Singapura mengenai peristiwa di Afghanistan, Parsi, Turki dan negeri-negeri lain di Timur Tengah. Hampir tiada langsung berita dari Tanah Melayu, Singapura dan jajahan Hindia Timur Belanda yang disiarkan.<sup>25</sup>

---

<sup>22</sup>Hajijah Jais, "Fajar Sarawak Dalam Bidang Penerbitan Dekad 30-an", dlm. *Wajah Sastera Sarawak*, 1988, hlm. 79.

<sup>23</sup>*Ibid.*, hlm. 80.

<sup>24</sup>*Ibid.*

<sup>25</sup>Masjid India yang terletak di Lebuh India, pusat bandar raya Kuching merupakan masjid yang diasaskan oleh golongan India Islam yang datang ke Kuching semasa Dinasti Brooke. Masjid ini juga merupakan tempat belajar agama yang popular yang diusahakan oleh golongan India Islam di Kuching. Masjid ini masih wujud dan berperanan hingga ke hari ini.

Rencana dan puisi yang disiarkan dalam akhbar ini kebanyakannya berunsur agama. Ini dapat difahami kerana tujuan asal penerbitan *Fajar Sarawak* adalah untuk kepentingan agama Islam dalam konteks hendak menyampaikan idea-idea pembaharuan. Salah seorang editornya, Haji Daud Abdul Ghani merupakan guru agama di Madrasah Morshidiah dan juga Imam Masjid India.<sup>26</sup>

Walaupun sumbangan langsung *Fajar Sarawak* tidak begitu ketara dalam memajukan perkembangan sastera di Sarawak, tetapi penerbitannya telah memulakan usaha penulisan dan penyebaran fikiran melalui media akhbar. Masyarakat terutamanya di Kuching telah sedikit berkesan daripada penerbitan akhbar berbahasa Melayu sekali gus menanamkan rasa semangat kebangsaan melalui beberapa saranan yang dimuatkan dalam penulisan. Yang penting di sini, *Fajar Sarawak* telah mengorak langkah dan kesedaran masyarakat akan peranan penulisan dalam pembentukan pemikiran bangsa.

Tokoh lain yang tidak kurang pentingnya dalam perkembangan sastera di Sarawak pada tahun 1930-1n ialah rakan-rakan seperjuangan Muhammad Rakawi Yusuf sendiri. Mereka terdiri daripada Haji Abdul Rahman bin Haji Kassim, Haji Daud Abdul Ghani, Mohd. Ma'mon Nor, Haji Johari Anang dan Mohd Awi Anang. Penglibatan mereka lebih banyak sebagai editor mahupun tenaga yang membantu Muhammad Rakawi Yusuf dalam menerbitkan *Fajar Sarawak*.

---

<sup>26</sup>R.H.W. Reece, Kata Pengantar, *Fajar Sarawak Akhbar Berbahasa Melayu Pertama di Sarawak 1930*, *Fajar Bakti Persatuan Kesusasteraan Sarawak*, Petaling Jaya, 1984, hlm. xv.

Haji Abdul Rahman Haji Kassim merupakan pemilik syarikat percetakan iaitu The Sarawak Printing Company. Syarikat ini yang telah mencetak novel *Melati Sarawak* karya Muhammad Rakawi Yusuf pada tahun 1932.<sup>27</sup> Selain menjadi penulis untuk *Fajar Sarawak*, Haji Abdul Rahman juga, menurut Mohamad Bujang, menulis cerita pendek ketika itu.<sup>28</sup> Cuma tidak dijelaskan dimanakah Haji Abdul Rahman menyiarakan cerita pendeknya. Setakat ini segala tulisan beliau tidak dapat dikesan untuk dibuat penelitian lanjut.

Warisan penglibatan beliau dalam bidang percetakan, penerbitan dan penulisan masih dapat dilihat melalui toko buku yang yang diusahakan oleh anaknya. Toko buku ini menjual buku-buku agama. Sehingga kajian ini dibuat, Toko Buku H.K Abdul Rahman yang terletak di India Street (sekarang Lebuhraya India) telah tidak lagi menjalankan perniagaan menjual buku tetapi telah menjadi kedai menjual tekstil.<sup>29</sup>

Haji Daud Abdul Ghani juga antara nama penting dalam perkembangan penerbitan akhbar di Sarawak. Sebagai salah seorang editor *Fajar Sarawak* beliau menghasilkan tulisan yang berkaitan dengan agama untuk menyedarkan masyarakat Melayu. Dipercayai sebahagian besar rencana dan puisi yang termuat dalam *Fajar Sarawak* yang berunsur agama dan pengaruh pembaharuan Islam di Timur Tengah adalah tulisan beliau. Ini berdasarkan

---

<sup>27</sup>*Ibid.*, hlm. xviii.

<sup>28</sup>Zaini Oje, "Mohamad Bujang: Cerpenis Awal di Sarawak", dlm. *Wajah Sastera Sarawak*, 1988, hlm. 206.

<sup>29</sup>Toko Buku H.K. Abdul Rahman adalah antara kedai buku yang terawal di bandar Kuching. Dijangkakan kedai ini sudah wujud pada penghujung tahun 1930-an lagi. Kedai ini khusus menjual buku-buku agama dan sedikit buku bacaan umum.

kedudukan Haji Daud sebagai guru agama di Madrasah Morshidiah dan Imam Masjid India.<sup>30</sup>

Haji Daud telah menghasilkan sebuah buku agama yang bertajuk *Pedoman Ibadat* sekitar tahun 1930-1n.<sup>31</sup> Dia juga antara tokoh yang bersama menubuhkan Sharikat Putera Sarawak pada tahun 1931.<sup>32</sup> Menurut Mohammad Bujang, Haji Daud Abdul Ghani juga merupakan tokoh bahasa terkemuka.<sup>33</sup>

Penubuhan Sharikat Putera Sarawak dan penerbitan *Fajar Sarawak* juga turut dibantu oleh Haji Johari Anang. Penglibatan beliau dalam bidang percetakan dan penerbitan terutamanya akhbar *Fajar Sarawak* adalah kesan daripada semangat kebangsaan yang mengalir di dalam dirinya. Selain seorang guru agama dan guru bahasa Inggeris, beliau juga aktif dalam perjuangan orang Melayu iaitu dalam Persatuan Melayu Sarawak (PMS) dengan menjadi Setiausaha Agung PMS.<sup>34</sup>

Tidak dapat dipastikan dengan jelas sumbangan beliau dalam bidang penulisan, tetapi kegigihan beliau bersama rakan-rakannya menerbitkan *Fajar Sarawak* juga merupakan sumbangan penting dalam bidang persuratan di Sarawak. Ada kemungkinan beliau turut menulis untuk *Fajar Sarawak* kerana beliau memang tokoh penting yang menerbitkan akhbar berkenaan.

---

<sup>30</sup>Hamzah Hamdani, “*Melati Sarawak*: Satu Pembicaraan Tentang Tema dan Persoalan”, hlm. 192.

<sup>31</sup>Mohamad Driss, “Perkembangan Kesusastraan Malaysia di Sarawak dari sudut sejarah”, hlm. 60.

<sup>32</sup>R.H.W. Reece, Kata Pengantar, dlm. *Fajar Sarawak: Akhbar Berbahasa Melayu yang Pertama di Sarawak*, Fajar Bakti dan Persatuan Kesusastraan Sarawak, Petaling Jaya, 1984, hlm. xvi.

<sup>33</sup>Zaini Oje, “Mohamad Bujang: Cerpenis Awal di Sarawak”, hlm. 207.

<sup>34</sup>*Ibid.*, hlm. 214.

Mohd. Mamon Nor juga mempunyai sumbangan yang tidak langsung dalam perkembangan sastera di Sarawak pada tahun 1930-an. Beliau juga adalah antara tokoh yang menubuhkan Sharikat Putera Sarawak dan turut terlibat dalam penerbitan *Fajar Sarawak*.<sup>35</sup> Begitu juga dengan penglibatan Mohd. Awang Anang yang membantu menerbitkan akhbar berbahasa Melayu pertama di Sarawak. Beliau merupakan saudara kepada Mohd. Johari Anang.

Seorang tokoh penting dalam perkembangan sastera di Sarawak selepas Muhamad Rakawi Yusuf ialah Mohamad Bujang. Beliau merupakan cerpenis awal Sarawak yang terkemuka sekitar penghujung 1930-an. Dengan pendidikan Sekolah Melayu-Government Vernacular School hingga lulus darjah lima dan menjadi pendidik di Madrasah Melayu (1931), Mohamad Bujang merupakan kumpulan kedua guru dari Sarawak yang dihantar ke Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim, Perak 1935 - 1937.<sup>36</sup>

Penglibatan beliau dalam bidang penulisan banyak dipengaruhi oleh kebanggaan beliau membaca novel *Melati Sarawak*. Malah salah satu nama pena beliau yang popular ialah *Melati Sarawak*. Di samping itu kesan dorongan Harun Aminurashid, semasa menjadi pelatih di MPSI juga faktor penting keaktifannya menulis pada penghujung 1930-an.<sup>37</sup>

Mohamad Bujang menulis cerita pendek terutamanya ketika di MPSI. Antara cerita pendek yang telah dihasilkan oleh beliau ialah "Bencana Adik Ipar" (Warta Malaya), "Keris Pusaka" (Warta Malaya), "Salah Siapa" (Warta Malaya),

---

<sup>35</sup>Ibid.

<sup>36</sup>Madzhi Johari, "Perkembangan Penulisan Di Sarawak", *Dewan Sastera*, Januari 1971, hlm. 56.

<sup>37</sup>Mohamad Driss, "Perkembangan Kesusastraan Malaysia di Sarawak dari Sudut Sejarah", hlm. 63.

“Kalau Saya Kaya” (Warta Malaya). Beliau turut menulis syair iaitu Adat Tepung Tawar di Sarawak (Warta Jenaka) dan Pemandangan di Port Dickson (Warta Ahad).

Dalam penulisan rencana, Mohamad Bujang memusatkan fikiran dan pandangan kepada keperluan orang bumiputera terutamanya Melayu mengejar kemajuan hidup baik dalam bidang politik, ekonomi maupun sosial. Antara rencana beliau ialah *Mengapa Sarawak diserahkan* (*Utusan Sarawak*) dan *Perubahan-Perubahan yang patut diperhatikan penulis khas* (Warta Malaya).

Keaktifan beliau menulis terutamanya semasa di MPSI menyebabkan semasa pendudukan Jepun Mohamad Bujang menjadi sasaran pemerintah Jepun ketika itu. Akibatnya banyak hasil tulisannya dirampas oleh tentera Jepun. Malah mulai tempoh tersebut beliau tidak lagi aktif menulis.

Setakat ini, Mohamad Bujang merupakan penulis Sarawak yang pertama menghantar dan menyiarkan karyanya iaitu cerpen, puisi dan rencana ke akhbar di Tanah Melayu. Beliau banyak menulis cerpen sekitar penghujung 1930-an dan awal 1940-an. Karyanya tersiar dalam *Warta Malaya*, *Warta Ahad* dan *Warta Jenaka* yang terbit di Tanah Melayu ketika itu.

Bolhassan Matassip juga merupakan penulis yang aktif pada tahun-tahun 1930-an hingga 1950-an. Tulisannya pernah mendapat tempat dalam akhbar *Lembaga Malaya* (1934), *Warta Malaya* (1930-an) dan merupakan penulis yang aktif dalam zaman *Fajar Sarawak*.<sup>38</sup>

---

<sup>38</sup> Madzhi Johari, “Perkembangan Penulisan di Sarawak”, hlm. 57.

Bolhassan Matassip menulis rencana, cerpen dan sebuah novelet di samping risalah berhubung dengan pengajaran agama Islam. Buku pertamanya berjudul *Sinaran Jasa*, diterbitkan dalam tahun 1955 dan diikuti kemudiannya oleh *Kebahagiaan Cinta* (novelet), *Panduan Kajian Hakiki* dan *Kejurusan Ke Alam Bahagia*.<sup>39</sup>

Kegiatan penulisan sastera di Sarawak juga mendapat sumbangan bermakna Haji Mohd Tahir Abdul Ghani. Karya beliau yang ulung ialah "Hikayat Datuk Merpati" iaitu dalam bentuk tulisan tangan. Buku ini ditulis pada akhir tahun 30-an.<sup>40</sup> Keseluruhan ceritanya meliputi sejilid penuh buku latihan kulit tebal.<sup>41</sup>

Buku tersebut dalam tulisan Jawi setebal kira-kira 200 muka yang ditulis pada akhir 1939.<sup>42</sup> Karangan itu kemudiannya disalin ke dalam tulisan rumi oleh Haji Awang Zaidell pada tahun 1978. pada tahun 1989, manuskrip asal yang dirumikan itu diterbitkan oleh DBP.<sup>43</sup>

*Hikayat Datuk Merpati* merupakan cerita yang mengisahkan pengembalaan Datuk Merpati hingga sampai ke Sarawak yang diakui oleh sesetengah golongan merupakan moyang orang-orang Melayu Sarawak.<sup>44</sup>

---

<sup>39</sup>Mohamad Driss, "Perkembangan Kesusasteraan Malaysia di Sarawak dari Sudut Sejarah", hlm. 63.

<sup>40</sup>Madzhi Johari, "Pendahuluan" dlm. *Hikayat Datuk Merpati*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hlm. ix. Sekarang naskhah itu ada dalam simpanan saya.

<sup>41</sup>Safri Awang Zaidell, Prakata dalam *Hikayat Datuk Merpati*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1989, hlm. vii.

<sup>42</sup>Madzhi Johari, "Hikayat Datuk Merpati: Roman Sejarah Sarawak", dlm. *Wajah Sastera Sarawak*, hlm. 173.

<sup>43</sup>*Ibid.*, hlm. 175.

<sup>44</sup>Safri Awang Zaidell, Prakata dlm. *Hikayat Datuk Merpati*, hlm. vii.

Dalam bukunya Almarhum Haji Mohd Tahir mengisahkan Datuk Merpati dihalau oleh ayahnya Ratu negeri Jawa dan akhirnya terdampar di Munggu Angus dan kemudian pula terdampar di Johor. Oleh sebab tampan dan baik budi pekertinya Datuk Merpati dinikahkan oleh Sultan Johor dengan Puterinya yang bernama Permaisuri.<sup>45</sup> Dari situlah Datuk Merpati dalam peristiwa bermain-main di laut kemudian dipukul ribut hingga terdampar di Sikudana dan akhirnya ke Sarawak.

Walaupun hikayat ini dalam bentuk tulisan tangan menggunakan jawi dan tidak diterbitkan pada tahun 1939, namun penulisannya sendiri sudah menunjukkan adanya kegiatan penulisan karya sastera. Usaha Haji Mohd. Tahir Abdul Ghani adalah satu sumbangan besar yang menjelaskan bahawa suasana dan pengaruh sastera itu sudah wujud pada penghujung 1930-an. Selain menulis *Hikayat Datuk Merpati*, pengarang ini juga dikatakan turut menulis cerita dongeng seperti 'Puteri Santubong' dan 'Datuk Kuli dan Datuk Kari'.<sup>46</sup>

Sekitar tahun 1940-an dan awal 1950-an ada disebutkan oleh Mohamad Bujang tentang seorang penulis dari Miri yang dikatakan banyak juga menulis untuk majalah Shell. Penulis yang dimaksudkan oleh beliau ialah Haji Wasli.<sup>47</sup> Tetapi tidak dapat ditemui karya penulis ini sehingga kini untuk dijadikan rujukan.

Sebuah rencana yang disiarkan oleh Utusan Sarawak yang berjudul "Pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris," bertarikh 1 November 1951,

---

<sup>45</sup>Zaini Oje, "Mohamad Bujang: Cerpenis Awal di Sarawak", hlm. 214.

<sup>46</sup>Utusan Sarawak, November 1951, hlm. 3.

<sup>47</sup>Mohd. Setar Abdul Rani, "Kegiatan Golongan Melayu Terpelajar Di Bidang Penulisan (1930-1950)" dlm. *Wajah Sastera Sarawak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1988, hlm. 65.

mencatatkan pengarangnya ialah Wasli Abu Talib.<sup>48</sup> Kemungkinan besar penulis ini ialah Haji Wasli seperti yang dinyatakan oleh Mohamad Bujang itu.

Perkembangan sastera di Sarawak terus dimantapkan oleh kemunculan akhbar *Utusan Sarawak*. Akhbar ini pada asalnya adalah daripada *Utusan Asas* yang diterbitkan pada tahun 1948. Bagaimanapun atas sebab-sebab tertentu akhbar ini telah ditukar namanya kepada *Utusan Sarawak* dalam tahun 1949.<sup>49</sup> Akhbar ini terbit dalam bahasa Melayu sebagai kesinambungan daripada *Fajar Sarawak*.

Dengan cogan kata ‘Oleh Rakyat Untuk Rakyat’ akhbar *Utusan Sarawak* mula diterbitkan pada 16 Januari 1949, sebagai akhbar Tengah Bulanan. Penerbitnya ialah Ikhwan Zainie bagi pihak Arif Press Company yang beralamat di K.H Yeang Street, Kuching dengan harga sepuluh sen senaskhah.<sup>50</sup>

Di samping sebagai penerbit, Ikhwan Zaini juga langsung mengetuai akhbar ini. Amat jelas bahawa akhbar ini lahir daripada sikap anti-British para nasionalis Melayu Sarawak. Mereka tidak menyenangi dasar serta beberapa tindakan yang dilakukan oleh British yang mengabaikan kepentingan orang Melayu. Penentangan yang paling jelas ialah terhadap tindakan British mengambil alih Sarawak dari Dinasti Brooke. Maka untuk menyalurkan pendapat serta meniupkan semangat kesedaran orang Melayu dan menentang penyerahan Sarawak kepada British, akhbar ini diterbitkan.

<sup>48</sup> *Utusan Sarawak*, November, 1951, hlm. 3.

<sup>49</sup> Mohd. Setar Abdul Rani, “Kegiatan Golongan Melayu Terpelajar Di Bidang Penulisan (1930-1950)” hlm. 65.

<sup>50</sup> *Utusan Sarawak*, 16 Januari 1949, hlm. 2.

Memang pada dasar dan matlamat penerbitan akhbar *Utusan Sarawak* tidaklah digambarkan secara langsung tujuan penerbitan *Utusan Sarawak*. Dalam ruangan Rencana Pengarangnya ada disebutkan tujuan Utusan Sarawak:<sup>51</sup>

...Utusan Sarawak adalah berdasar bebas, dan dengan dasarnya yang demikian dia akan membela segala keadilan dan kebenaran serta menentang segala kezaliman, pergerakan-pergerakan melampau dan yang berlawan dengan undang-undang dan persatuan-persatuan yang biasa.

Utusan Sarawak ialah akhbar rakyat untuk rakyat. Dia sedia berkhidmat untuk kewajipan dan keperluan rakyat seluruhnya, serta bekerjasama dengan rakyat untuk menciptakan cita-cita yang sesuai dengan keadaan zaman atom sekarang ataupun secocok dengan cita-cita yang ada pada segala bangsa yang sudah sedar dan insaf.

Utusan Sarawak bukanlah diasas atau terikat oleh parti, persekutuan atau pergerakan jua pun. Dia tetap berkhidmat untuk pembinaan masyarakat yang sempurna dan perpaduan rakyat yang seteguhnya, dari mana kelak terciptalah kehormatan dan kemudian rakyat sebagai satu bangsa yang dikenali atau setaraf dengan bangsa-bangsa yang berjiran.

---

<sup>51</sup>Jaraice Sawal, “Sumbangan *Utusan Sarawak* Terhadap Perkembangan Bahasa dan Kesusasteraan Melayu di Sarawak” dlm. *Wajah Sastera Sarawak*, hlm. 118.

Soal penyerahan Sarawak kepada kerajaan kolonial Inggeris secara langsung telah menjadi satu sebab kenapa *Utusan Sarawak* diwujudkan. Ia diterbitkan sebagai meneruskan perjuangan Abang Ikhwan Zainie dan rakan-rakannya yang menentang penyerahan Sarawak.<sup>52</sup> Golongan pejuang Melayu yang didukungi oleh Abang Ikhwan Zainie percaya bahawa melalui akhbar mereka akan dapat menyalurkan pandangan serta menyedarkan orang Melayu tentang hak politik, hak ekonomi dan hak sosial mereka sebagai masyarakat peribumi Sarawak. Matlamat akhir mereka ialah untuk memperolehi kemerdekaan daripada British.

Tulisan-tulisan yang memperlihatkan sikap anti penyerahan dan anti penjajahan memang menonjol pada tahun-tahun awal penerbitan *Utusan Sarawak*. Selain penulisan melalui rencana pengarang yang secara terus terang mengkritik sikap kerajaan British, *Utusan Sarawak* juga secara halus, melalui beberapa puisi awal, memperlihatkan.<sup>53</sup>

Sumbangan *Utusan Sarawak* yang begitu jelas untuk kepentingan politik sekumpulan pejuang Melayu yang diketuai oleh Abang Ikhwan Zaini, terhadap perkembangan sastera di Sarawak amat ketara. Ini dapat dikaitkan dengan penyiaran puisi serta rencana dalam bahasa Melayu yang menggalakkan kegiatan penulisan. Malah ada beberapa rencana yang khusus membincangkan peranan bahasa Melayu disiarkan oleh *Utusan Sarawak*.

Lahirnya *Utusan Sarawak* dalam tahun 1949 sebagai akhbar bahasa Melayu yang ulung dalam zaman pemerintahan kerajaan kolonial Inggeris telah

---

<sup>52</sup>Syed Idrus Syed Ahmad, dan R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 161.

memberi erti yang besar kepada kedaulatan bahasa Melayu itu sendiri. Akhbar bukan sahaja menjadi penyampai berita dan hiburan, tetapi juga boleh dijadikan alat mengajar dan membimbing masyarakat ke arah kemajuan ekonomi, politik dan sosiobudaya. Ia termasuk hal-hal seperti bahasa dan kesusasteraan. Demikian juga dengan *Utusan Sarawak*. Lahirnya bukan semata-mata untuk memperjuangkan fahaman politik pengasasnya, malahan ia dapat dianggap sebagai pejuang kepada kedaulatan bahasa Melayu.<sup>54</sup>

Daripada *Utusan Sarawak* lahir beberapa penulis puisi iaitu Ibnihaizan dengan puisi 'Oh Cintaku' (1 Februari 1949), Iwadrahaman dengan puisi 'Sarawak Merdeka' (7 Mac 1949), Adi Putera dengan puisi 'July 1946' (4 Julai 1956) dan Othmani dengan puisi 'Selamat Terbit Utusan Sarawak' (16 Februari 1949).

Sementara dalam penulisan sketsa, muncul penulis Kuching dengan sektsa 'Satu Malam di Laut' (5 April 1951) dan Salem Joyo dengan sketsa 'Pakcik' (19 Mac 1955). Dalam penulisan rencana umum yang berkaitan bahasa Melayu pula diketengahkan Raden Mas dengan rencana 'Hargakan Bahasa Sendiri', A. Hamden dengan rencana 'Utamakan Bahasa Kita' dan Wasli Abu Talib dengan rencana 'Pelajaran Bahasa Melayu/Bahasa Inggeris'.

Kemunculan penulis dan *Utusan Sarawak* melalui penghasilan puisi, sketsa dan rencana umum walaupun hanya sekali sekala tetapi sudah memadai untuk mewujudkan suasana berkarya yang positif pada ketika itu. Apatah lagi dengan latar belakang sistem pendidikan anak-anak Melayu yang tidak begitu

---

<sup>53</sup>*Laporan Tahunan Biro Kesusasteraan Borneo (BLB)*, 1960.

sempurna akibat dasar kolonial Inggeris yang tidak menyediakan pendidikan yang sempurna kepada rakyat akibat masalah geografi serta kewangan.

Di bawah sistem pendidikan Sarawak zaman kolonial, persekolahan bukanlah wajib bahkan sukarela dan ibu bapa sekadar digalakkan menghantar anak-anak ke sekolah. Pentadbiran sekolah-sekolah diletakkan di bawah naungan Jabatan Pendidikan tetapi cuma sekolah-sekolah kerajaan sahaja diurus secara langsung. Selain daripada kerajaan, ejen-ejen lain yang mengelolakan sekolah ialah Lembaga Tempatan, Jemaah Pengurus Sekolah Cina, Gereja, dan mission dan Jawatankuasa Sekolah Rakayat atau Swasta.<sup>55</sup>

Peranan sastera sebagai salah satu media yang menyalurkan fikiran untuk pembangunan negeri dan bangsa sudah disedari dengan jelas melalui penerbitan *Utusan Sarawak*. Beberapa penulis anak Melayu yang sebahagian besarnya menggunakan nama samaran menampakkan keberanian membantah serta mengkritik dasar-dasar kolonial Inggeris di Sarawak melalui tulisan-tulisan mereka. Secara langsung suasana berkarya dapat disuburkan walaupun dalam keadaan yang agak terhad.

#### 1.4 Perkembangan Sastera Di Sarawak 1960 – 1976

Bermula pada tahun 1960 barulah perkembangan sastera di Sarawak dapat dilihat berjalan dengan terancang, kemas dan mendapat bantuan penuh kerajaan. Keprihatinan dan kesedaran kerajaan British terhadap betapa

<sup>54</sup>Jaraiee Sawal, “Sumbangan Utusan Sarawak Terhadap Perkembangan Bahasa dan Kesusastraan Melayu di Sarawak”, hlm. 122.

<sup>55</sup>Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, hlm. 161.

pentingnya menyediakan bahan bacaan kepada rakyat di Sarawak, Borneo Utara dan Brunei ditunjukkan melalui rancangan menubuhkan Borneo Literature Bureau (BLB).

#### **1.4.1 Sumbangan Biro Kesusasteraan Borneo (BLB) Dalam Perkembangan Sastera Di Sarawak**

Kekurangan bahan bacaan yang sesuai dan pertambahan mereka yang celik huruf di wilayah Borneo memerlukan penubuhan sebuah badan yang berkaitan dengan penerbitan buku. Usaha telah dimulakan pada tahun 1950-an lagi, tetapi semuanya tidak berhasil. Pada awal tahun 1958 rancangan telah dibuat untuk menubuhkan Biro Kesusasteraan di Brunei dengan Sarawak menjadi satu daripada cawangannya, tetapi atas beberapa masalah rancangan ini tidak dapat dilaksanakan.<sup>56</sup>

Pada 15 September 1959 Biro Kesusasteraan Borneo telah ditubuhkan di Kuching, Sarawak dengan fungsi menggalakkan, bakat-bakat penulisan serta mencari bahan bacaan yang sesuai untuk keperluan tempatan, membantu usaha perdagangan buku, memberi perkhidmatan kepada jabatan kerajaan berkaitan penerbitan serta percetakan bahan dan meningkatkan penggunaan bahasa Melayu. Pejabat Cawangan di Sabah ditubuhkan pada bulan Januari 1972 iaitu

---

<sup>56</sup>Charles Sang, “Biro Kesusasteraan Borneo”, dlm. *Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu (ESKM)* Jilid 1, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 475.

di Kota Kinabalu, tetapi oleh sebab masalah mendapatkan kakitangan Biro tidak berfungsi dengan lancar.<sup>57</sup>

Dari segi operasi, Biro ini mempunyai dua tabung pusingan iaitu Tabung Amanah Penerbitan dan Akaun Tabung Amanah Penyebaran. Kegiatan penerbitan buku Biro dibiayai oleh Akaun Tabung Amanah Penerbitan yang menerima geran daripada Kerajaan Negeri Sarawak, Kerajaan Negeri Sabah dan Yayasan Asia.<sup>58</sup>

Memang fungsi utama BLB ditubuhkan antara lain untuk mempopularkan dan meningkatkan penggunaan bahasa Melayu, namun pada peringkat awal tumpuan penerbitan untuk bacaan umum serta buku teks sekolah adalah dalam bahasa Inggeris dan Cina. Perkara ini dijelaskan melalui Laporan Tahunan pertama BLB pada 1960 yang menyebut bahawa BLB “main publishing activities are in field the provisions books for local readers in English and Chinese and the Borneo language.”<sup>59</sup> Perkara ini adalah wajar kerana pada ketika itu bilangan sekolah aliran bahasa Inggeris dengan bahasa Cina lebih banyak daripada sekolah aliran bahasa Melayu dan bahasa tempatan yang lain.

Pada tahun 1960 jumlah sekolah rendah aliran Inggeris dan Vernacular ialah 579. Daripada jumlah tersebut 20 buah sekolah adalah Native School dan lain-lain yang sama ada menggunakan bahasa Melayu ataupun bahasa peribumi lain. Sementara sekolah rendah aliran Cina ialah 271 buah. Pada tahun 1960 juga jumlah sekolah menengah aliran Inggeris dan vernacular ialah 18 buah dan

---

<sup>57</sup>Laporan Tahunan BLB 1960.

<sup>58</sup>Ibid.

<sup>59</sup>Ibid.

hanya 3 buah sekolah rakyat dan lain-lain. Sedangkan sekolah menengah aliran Cina ialah 22 buah.<sup>60</sup>

Dari segi pecahan, bilangan murid sekolah aliran Inggeris dan Vernacular untuk sekolah rendah ialah sebanyak 49460 orang; Sekolah rendah aliran Cina sebanyak 45,313 orang; sekolah menengah aliran Inggeris pula ialah 3971 orang; dan 2 murid sekolah menengah aliran Cina ialah 5295.<sup>61</sup>

Berdasarkan bilangan sekolah serta jumlah murid yang bersekolah pada tahun 1960 itu menunjukkan keperluan kepada BLB menumpukan penerbitan buku dalam bahasa Inggeris dan Bahasa Cina pada peringkat awal penerbitannya. Pada tahun 1961 daripada 37 buah buku yang diterbitkan oleh BLB 15 buah dalam bahasa Inggeris, 11 buah bahasa Cina, 2 bahasa Melayu, 2 bahasa Iban dan 7 bahasa-bahasa lain.<sup>62</sup>

Namun demikian kewujudan BLB secara langsung telah dapat menggerakkan kegiatan bersastera di Sarawak, khususnya sastera berbahasa Melayu. Melalui badan kerajaan ini beberapa penulis tempatan telah berpeluang menerbitkan buku-buku mereka untuk bacaan umum. Buku-buku yang diterbitkan iaitu pada peringkat ini kebanyakannya adalah cerita rakyat, pantun, sajak, cerita pendek dan novelet.

Novel pertama yang diterbitkan oleh BLB ialah *Nyonya* pada tahun 1962 karya John M. Chin. Novel ini adalah dalam bahasa Inggeris dan memenangi peraduan menulis anjuran BLB pada 1961.<sup>63</sup> Karya sastera berbahasa Melayu

<sup>60</sup> *A Guide To Education in Sarawak*, Sarawak Information Service, 1961, hlm. 37.

<sup>61</sup> *Ibid.*, hlm. 38.

<sup>62</sup> *Laporan Tahunan BLB*, 1962.

yang paling awal diterbitkan oleh BLB ialah cerita legenda rakyat Sarawak yang berjudul *Dayang Isah Tandang Sari* yang ditulis oleh Wan Suut Tuanku Hamid. Buku ini diterbitkan pada tahun 1962.<sup>64</sup> Selepas itu muncul Muslim Burmat dengan kumpulan cerita pendek ‘Debu Berterbangan’ (1964).

Penulis Sarawak yang agak aktif menulis pada era BLB (1959-1976) ialah Madzhi Johari. Melalui BLB beliau telah menghasilkan cerita dongeng *Chandong Ajaib* (1966) dan *Lima Sateria di Hutan Belantara* (1966), serta kumpulan puisi *Yang Terpulas dan Yang Terkandas* (1969). Selain itu beliau juga menulis skrip drama radio terutamanya untuk Radio Sarawak.

Ahmad Sabu juga lahir pada zaman kewujudan BLB. Karya-karya beliau yang telah diterbitkan oleh BLB ialah kumpulan cerpen persendirian *Penyesalan* (1974), antologi cerpen bersama *Gua Puaka* (1966) dan *Sepanjang Jalan Beronak* (1976).

Ibrahim Saad, penulis yang berasal dari Bintulu turut berkarya pada 1960-an dan 1970-an. Karya beliau yang diterbitkan oleh BLB ialah kumpulan pantun *Rampaian Pantun* (1967), cerita rakyat *Kesah Bintulu* (1971) dan kumpulan cerita pendek *Kuching Hitam* (1975).

Pada tahun 1968, Salleh Abdul Latif telah menghasilkan kumpulan cerita pendek yang berjudul *Garis Cherah di-Upok Senja*. Penulis yang tidak kurang pentingnya semasa era 1960-an ialah Salbiah Painah. Beliau telah menghasilkan novelet yang bertajuk *Menunggu Esok* yang diterbitkan oleh BLB

---

<sup>63</sup>*Ibid.*

<sup>64</sup>*Laporan Tahunan BLB, 1964.*

pada tahun 1970. Novelet ini sebenarnya antara karya yang menyertai peraduan menulis anjuran BLB tahun sebelumnya dan memenangi tempat pertama. Salbiah juga turut menghasilkan beberapa skrip drama radio.

Antara skrip drama radio yang telah dihasilkan oleh beliau ialah 'Anak Sungai Lagi Berubah', 'Celaka Pusaka Ayah', 'Aku Tidak Minta Dilahirkan', 'Kasih Menantu Sayang Mentua', 'Dua Belas Bulan Dikandung Bonda', 'Setangkai Tak Sebau' dan 'Dari Hati Ke Hati'.

Penulis kelahiran Sarawak yang turut terlibat menghasilkan karya pada zaman BLB ialah Abang Abdul Razak Abang Medaan. Beliau menulis cerita legenda berkenaan orang Melayu Sarawak iaitu *Kisah Datuk Pata*. Buku ini diterbitkan pada tahun 1976, iaitu tahun akhir kewujudan BLB. Beberapa penulis lain yang juga hasil penulisan mereka diterbitkan oleh BLB ialah Bidin Mohd Noor bersama M.Y Anas dengan kumpulan puisi *Dendang Suchi* (1976), Aidy Haji Mahdi dengan kumpulan cerita pendek *Titi* (1975), Noraini Haji Salleh dengan kumpulan cerita pendek *Warung Pak Hitam* (1974), Maliah Haji Shebli dan Latifah Haji Shebli dengan kumpulan puisi *Kembang Setangkai* (1976), S.M Erham dengan kumpulan cerita pendek *Malam Tiada Berbintang* (1976), James Ngau Wan dengan kumpulan cerita rakyat *Pohon Berhala* (1976), Andreas E. Fong dengan kumpulan cerita rakyat *Keris Sakti* dan *Cherita-Cherita Lain* (1971), M. Nelson dan lain-lain dengan kumpulan cerita pendek *Cherita Pendek Untuk Kanak-kanak* (1971) dan Dunstan Entinggi dengan cerita rakyat *Cherita-Cherita Binatang* (1974).

BLB juga menggalakkan bakat penulisan melalui peraduan penulisan. Pada tahun 1964 sahaja penyertaan untuk peraduan berdasarkan bahasa ialah Inggeris 10, Cina 12, Melayu 5, Bukar Sadong 3, Iban 7, Kenyah 1, Kayan 1 dan Kadazan 1. Jumlah penyertaan pada tahun tersebut ialah 40.<sup>65</sup>

Di samping buku untuk bacaan umum, BLB juga bertanggungjawab menerbitkan buku teks untuk sekolah di Sarawak dan Sabah. Buku teks ini diterbitkan kebanyakannya dalam bahasa Inggeris, Cina, Iban dan Melayu. Di samping itu BLB bertanggungjawab membantu jabatan kerajaan lain mencetak dan menerbitkan bahan serta dokumen jabatan berkenaan. Antara bahan yang dicetak ialah buku kehadiran untuk murid sekolah, borang dan lain-lain.

Salah satu kejayaan BLB ialah menerbitkan majalah bulanan untuk bacaan kanak-kanak. Pada peringkat awal majalah ini diterbitkan dalam bahasa Inggeris dan Cina dengan nama *Dolphin*. Mulai tahun 1967 majalah dalam bahasa Iban berjudul *Nendak* dan pada tahun 1970 majalah dalam bahasa Melayu iaitu *Perintis* telah diterbitkan oleh BLB. Sambutan untuk keempat-empat majalah ini amat menggalakkan.

BLB sepanjang penubuhannya turut menggalakkan kemunculan penulis dari Sabah dan Brunei. Salah seorang penulis Brunei yang terkemuka iaitu Muslim Burmat pernah menghasilkan kumpulan cerita pendek berjudul *Debu Berterbangan* pada tahun 1964 yang diterbitkan oleh BLB. Sementara K. Bali yang menetap di Sabah telah menulis cerita pendek *Dari Shorga ke Neraka* pada tahun 1970.

---

<sup>65</sup>*Laporan Tahunan BLB, 1964.*

Sumbangan BLB dalam perkembangan sastera di Sarawak memang banyak. Walaupun jumlah buku sastera dalam bahasa Melayu yang diterbitkan jauh rendah jumlahnya berbanding buku dalam bahasa Inggeris, Iban dan Cina namun kehadiran agensi ini telah secara langsung menggalakkan kegiatan penulisan, pembacaan dan penghayatan sastera di Sarawak. Tahap minat membaca serta menulis juga meningkat jika dilihat pada jumlah jualan majalah *Perintis* yang turut bertambah setiap tahun.

Lanjutan dari penglibatan semasa zaman BLB, beberapa penulis Sarawak terus berkarya selepas itu. Mereka terdiri daripada Ahmad Sabu, Latifah Shebli, dan Maliah Shebli. Namun penulis seperti Mazdhi Johari, Salbiah Painah dan Ibrahim Saad tidak muncul lagi selepas BLB diambil alih oleh DBP pada tahun 1977.

#### **1.4.2 Biro Kesusteraan Borneo Sebagai Penerbit Buku**

Pembabitan BLB dalam penerbitan buku adalah menyeluruh, sesuai dengan definisi penerbit yang pernah dikemukakan oleh Rao<sup>66</sup> yang menyatakan bahawa penerbit adalah orang yang menghasilkan buku dan mengedarkannya kepada masyarakat. BLB menjalankan kegiatan menerbitkan dan sekali gus memasarkan buku terbitannya kepada masyarakat di Sarawak, Sabah dan Brunei.

---

<sup>66</sup> M. N. Rao, *The Book Publishing Manual*, hlm. 3.

Penglibatan BLB dalam penerbitan dinyatakan dengan jelas melalui empat fungsi utama Biro ini:<sup>67</sup>

- i. Untuk menggalakkan bakat-bakat penulisan tempatan, dan dengan cara ini dan dengan cara-cara lain mendapatkan bahan yang sesuai untuk menampung keperluan pembacaan tempatan dan mengusahakan bahan-bahan tersebut untuk diterbitkan dan disebarluaskan;
- ii. Membantu dalam usaha membina perdagangan buku tempatan terutama dari segi penjualan buku, dan melengkapkan penyebaran buku yang bukan sahaja terdiri daripada buku-buku yang diterbitkan oleh Biro itu sendiri tetapi juga buku-buku lain yang sesuai yang diterbitkan di negeri ini atau seberang laut;
- iii. Memberi perkhidmatan kepada jabatan-jabatan kerajaan yang menerbitkan buku-buku berbentuk maklumat teknikal, atau dalam bentuk arahan untuk kegunaan penduduk Sabah dan Sarawak;
- iv. Membantu untuk menggalakkan, mempopularkan dan meningkatkan penggunaan bahasa Melayu.

Selaras dengan empat fungsi utama BLB yang menekankan kegiatan penerbitan buku untuk keperluan penduduk Sabah dan Sarawak serta menggalakkan dan mempopularkan bahasa Melayu, Bahagian Penerbitan telah dibentuk dengan fungsi yang khusus pula. Ada enam fungsi Bahagian Penerbitan BLB iaitu:<sup>68</sup>

- i. Mewujudkan hubungan sama ada secara rasmi atau tidak rasmi dengan para pengarang atau bakal-bakal penulis dan meminta atau menugaskan mereka untuk menyediakan manuskrip yang dikehendaki terhadap beberapa topik yang dicadangkan;
- ii. Menerima dan menilai manuskrip yang dikemukakan oleh pengarang, sama ada yang dikemukakan secara peribadi atau yang ditugaskan;

<sup>67</sup> Charles Saong, "Biro Kesusastraan Borneo", dlm. Ensiklopedia Sejarah dan Kebudayaan Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1994, hlm. 475.

<sup>68</sup> Ibid.

- iii. Membantu dan menasihati pengarang tentang soal penyediaan atau pemberian manuskrip mereka dan mengenai perkara-perkara hak cipta di samping soal bayaran dan upah;
- iv. Memilih dan mengedit manuskrip untuk diterbitkan;
- v. Mengeluarkan arahan kepada pelukis dan memberi panduan kepada mereka dalam perkara menyediakan ilustrasi; dan
- vi. Mendraf notis tentang penerbitan-penerbitan baru kepada pihak media dan juga penjual buku.

Dari segi dasarnya, BLB tidak menerbitkan bukunya sendiri, sebaliknya hanya menyediakan bahan manuskrip yang dikemukakan oleh pengarang atau jabatan-jabatan kerajaan untuk diterbitkan.<sup>69</sup> Melalui dasar begini, BLB berperanan sebagai penasihat kepada penulis tentang judul-judul yang sesuai untuk ditulis oleh pengarang. Apabila siap sesuatu judul itu, barulah BLB menjalankan kerja penerbitan, percetakan dan pemasaran.

Selain memberikan tugas khusus kepada penulis tertentu untuk menyediakan manuskrip atau karya, BLB juga mendapat manuskrip untuk diterbitkan melalui hasil peraduan penulisan kreatif anjuran BLB sendiri. Karya yang memenangi peraduan serta baik mutunya akan dipilih untuk diterbitkan.

BLB juga membantu jabatan kerajaan yang hendak menerbitkan bahan-bahan berupa buku panduan, dokumen rasmi kerajaan serta risalah. Jabatan kerajaan yang memerlukan khidmat hanya perlu menyediakan manuskrip (bahan), sementara BLB akan menguruskan proses kerja yang seterusnya. Kos penerbitan akan ditanggung oleh jabatan berkenaan. BLB juga

---

<sup>69</sup>*Ibid.*

membantu jabatan kerajaan atau pertubuhan tertentu menyediakan gambar kulit, *layout*, dan lukisan-lukisan bagi majalah dan risalah mereka.

Buku teks juga merupakan sebahagian daripada tugas utama BLB dalam penerbitan. Walau bagaimanapun, buku teks yang diterbitkan adalah untuk kegunaan Sabah dan Sarawak sahaja dan yang telah mendapat kelulusan dan dikemukakan oleh jabatan pelajaran kedua-dua negeri berkenaan. BLB tidak mengambil peranan langsung dalam soal penyediaan bahan untuk buku teks.

Seperti yang termaktub dalam fungsi utama biro ini, keutamaan penerbitan buku adalah dalam bahasa Melayu. Tujuannya adalah untuk menggalakkan dan mempopularkan bahasa Melayu. Bagaimanapun, buku-buku dalam bahasa lain seperti Inggeris, Cina, Iban dan suku kaum lain terus diterbitkan berdasarkan keperluan. Kesannya, sepanjang kewujudan BLB, jumlah buku dalam bahasa Melayu yang diterbitkan jauh lebih rendah berbanding buku dalam bahasa Inggeris, Cina dan Iban.

Dari segi peratusan, jumlah buku dalam bahasa Melayu yang telah diterbitkan oleh BLB sepanjang tahun 1960 hingga 1976 hanyalah 10.2% atau 53 judul, sedangkan buku dalam bahasa Inggeris 46.9% (271 judul), buku dalam bahasa Cina 17.1% (99 judul), buku dalam bahasa Iban 21.6% (125 judul) sementara buku dalam bahasa-bahasa lain 5% (29 judul).<sup>70</sup>

**Jadual 1.7.1 Buku terbit BLB mengikut bahasa 1960 - 1976**

BAHASA	BIL.JUDUL	PERATUS
--------	-----------	---------

<sup>70</sup>Ibid., hlm. 476.

Melayu	53	10.2%
Inggeris	271	46.9%
Iban	125	21.6%
Cina	99	17.1%
Bahasa-bahasa Lain	29	5%
<b>Jumlah</b>	<b>577</b>	<b>100%</b>

Kekurangan buku dalam bahasa Melayu yang diterbitkan oleh BLB dalam tempoh tersebut dapat dilihat dari tiga sebab:

- i. Kekurangan penulis yang berminat untuk menulis buku dalam bahasa Melayu menyebabkan BLB kekurangan manuskrip untuk diterbitkan;
- ii. Penggunaan bahasa Inggeris yang lebih dominan dalam sistem pendidikan di Sarawak mengurangkan permintaan buku dalam bahasa Melayu, sebaliknya keperluan lebih mendesak dalam bahasa Inggeris.
- iii. Penggunaan bahasa Cina dan bahasa Iban dalam sistem pendidikan di sekolah juga mengurangkan tumpuan kepada usaha menerbitkan sebanyak mungkin buku dalam bahasa Melayu. Tumpuan yang agresif juga diberikan kepada penerbitan buku dalam bahasa Cina dan Iban untuk keperluan di sekolah.

Namun begitu, tumpuan BLB terhadap penerbitan buku sastera agak menyerlah, sesuai dengan fungsi utamanya yang turut membina bakat-bakat penulis tempatan. Perkara ini amat jelas melalui nisbah penerbitan buku sastera berbanding buku umum. Ini khususnya dalam buku-buku bahasa Melayu yang diterbitkan oleh BLB. Sepanjang tempoh 1964 hingga 1976, daripada 53 judul buku dalam bahasa Melayu yang diterbitkan oleh BLB, 36 atau 67.9% judul ialah buku sastera. Ini bermakna, purata tiga judul buku sastera diterbitkan setiap

tahun. Jumlah ini memanglah amat kecil berbanding penerbitan buku dalam bahasa Inggeris sebanyak 22 judul setiap tahun. Namun, usaha BLB ini memberikan impak yang agak berkesan kepada penerbitan buku sastera serta perkembangan sastera dalam tahun-tahun Sarawak masih lagi menggunakan bahasa Inggeris sebagai salah satu bahasa rasmi pentadbiran dan pendidikan.<sup>71</sup>

Pecahan dari segi genre yang diterbitkan dalam tempoh 1964 hingga 1976 ialah cerita rakyat 9 judul atau 25%, cerita pendek (cerpen) 14 judul atau 38%, puisi 7 judul atau 19% dan novel (novelet) 6 judul atau 16.6%. Tidak ada buku kritikan sastera yang diterbitkan oleh BLB sepanjang pembabitannya dalam bidang penerbitan.<sup>72</sup>

**Jadual 1.7.2 Buku sastera dalam bahasa melayu yang diterbitkan oleh BLB 1964 - 1976**

GENRE	BIL.JUDUL	PERATUS
Novel (Novelet)	6	16.6%
Puisi	7	19%
Cerita Pendek	14	38%
Cerita Rakyat	9	25%
<b>Jumlah</b>	<b>36</b>	<b>100%</b>

Sumber: *Laporan Tahunan BLB 1960-1976*

Jumlah cetakan buku bagi sebuah judul ialah antara 500 hingga 2000 naskhah. Ini juga bergantung pada jenis dan buku serta permintaan

<sup>71</sup>Penggunaan bahasa Inggeris sebagai salah satu bahasa rasmi dalam pentadbiran kerajaan negeri Sarawak hanya berakhir sepenuhnya pada tahun 1985.

<sup>72</sup>*Laporan Tahunan BLB 1960-1976.*

pasaran. Bagi buku yang laris seperti buku sastera, buku panduan umum serta peta, BLB akan membuat ulang cetak berdasarkan keperluan semasa.

BLB juga menumpukan kegiatan kepada penerbitan majalah sastera dalam bahasa Melayu untuk kanak-kanak. Majalah tersebut berjudul *Perintis*. Majalah bulanan ini mula diterbitkan pada tahun 1970. Majalah yang serupa juga diterbitkan dalam bahasa Inggeris (*Dolphin*), bahasa Cina (*Dolphin*) dan bahasa Iban (*Nendak*).

Tujuan majalah tersebut adalah untuk menampung keperluan bahan bacaan bercorak sastera bagi kanak-kanak. Pada peringkat awal iaitu pada tahun 1960 hanya sebuah majalah *Dolphin* dalam bahasa Inggeris sahaja diterbitkan. Bermula pada tahun 1961 majalah *Dolphin* dalam bahasa Cina mula diterbitkan. Nendak majalah dalam bahasa Iban diterbitkan pada tahun 1967 dan *Perintis*, majalah dalam bahasa Melayu mula diterbitkan pada tahun 1970.<sup>73</sup>

*Dolphin* dalam bahasa Inggeris dalam tempoh 1961 hingga 1976 diterbitkan sebanyak 197,6210 naskhah. *Dolphin* dalam bahasa Cina dalam tempoh 1961 hingga 1976 diterbitkan sebanyak 1,550,757 naskhah. *Nendak* dalam tempoh 1967 hingga 1976 diterbitkan sebanyak 167,481 naskhah dan *Perintis* dalam tempoh 1970 hingga 1976 diterbitkan sebanyak 349,437 naskhah.<sup>74</sup>

Jumlah keseluruhan majalah yang telah diterbitkan oleh BLB dalam empat bahasa tersebut dalam tempoh 1961 hingga 1976 ialah sebanyak 4,043,885 naskhah. Purata naskhah yang diterbitkan dalam setahun ialah

---

<sup>73</sup>*Ibid.*

<sup>74</sup>*Ibid.*

269,592 naskhah. Jumlah naskhah yang begitu besar diterbitkan memperlihatkan sambutan yang amat menggalakkan daripada para pembaca ketika itu. Penerbitan majalah bercorak sastera ini memberikan kesan kepada minat golongan kanak-kanak peringkat sekolah rendah terhadap bidang sastera.

Percetakan buku dan majalah BLB menggunakan dua jenis proses iaitu Letterpress dan Offset Lithograph. Banyak daripada penerbitan BLB dicetak melalui proses offset. Bagi buku dan majalah yang dicetak menggunakan cara ini mestilah disediakan dengan mesin taip elektrik I.B.M dan mesin Headliner.<sup>75</sup>

Kebanyakan daripada penerbitan BLB dicetak oleh pencetak tempatan dengan proses offset, kecuali penerbitan yang melibatkan proses teknikal yang tinggi, percetakannya dibuat di Semenanjung Malaysia dan Hong Kong.

#### **1.4.3 Perniagaan Buku BLB**

Bidang perniagaan buku merupakan salah satu fungsi utama BLB. Fungsi ini dimaktubkan dengan jelas;

Membantu dalam usaha membina perdagangan buku tempatan, terutama dari segi penjualan buku dan melengkapkan penyebaran buku yang bukan sahaja terdiri daripada buku-buku lain yang sesuai yang diterbitkan di negeri ini atau di seberang laut.<sup>76</sup>

Dengan meletakkan perniagaan buku sebagai salah satu fungsi utama, BLB merupakan agensi kerajaan yang turut menjalankan kegiatan perniagaan, pemasaran dan pengedaran buku di Sabah, Sarawak dan Brunei.

---

<sup>75</sup>Ibid.

<sup>76</sup>Ibid.

Tugas sebagai penerbit buku dilengkapkan lagi dengan usaha memasarkan dan menjual buku kepada pembaca di dua negeri tersebut.

Bagi melaksanakan kegiatan perniagaan, pemasaran dan pengedaran buku, BLB membentuk Bahagian Penyebaran. Bahagian ini khusus menjalankan kegiatan pemasaran, pengedaran dan penjualan buku yang diterbitkan oleh BLB sendiri mahupun buku yang diterbitkan oleh penerbit lain. Tugas khusus Bahagian Penyebaran adalah seperti yang berikut:<sup>77</sup>

- i. Untuk memberi kemudahan penyebaran untuk semua penerbitan BLB;
- ii. Untuk menolong memajukan perdagangan buku tempatan, terutama sekali di daerah luar Bandar Sabah dan Sarawak.

Kegiatan penjualan dan penyebaran buku BLB dibiayai oleh Akaun Penyebaran yang mendapat geran tetap daripada Kerajaan Negeri Sarawak sebanyak RM128,000 dan Kerajaan Negeri Sabah sebanyak RM40,000. Tabung ini digunakan sebagai modal membeli buku daripada beberapa penerbit dengan cara borang. Wang tabung ini juga digunakan untuk membayar gaji kakitangan Bahagian Penyebaran. Hasil penjualan buku dan majalah akan dimasukkan kembali ke dalam Tabung Akaun Penyebaran.<sup>78</sup>

Penjualan dan pengedaran buku BLB dilaksanakan melalui pelantikan penjual buku di Sabah, Sarawak dan Brunei sebagai wakil BLB. Hingga tahun 1976, sebanyak 150 penjual buku telah dilantik oleh BLB di tiga negeri

---

<sup>77</sup>*Ibid.*

<sup>78</sup>*Ibid.*

tersebut.<sup>79</sup> Penjual-penjual buku ini adalah saluran penting kepada penjualan dan penyebaran buku pelajaran di kawasan bandar dan luar bandar.

Bagi menggalakkan penjual buku mengadakan perkhidmatan yang lebih baik, BLB memberikan kemudahan kredit yang dibenarkan kepada setiap penjual buku, bergantung pada kemampuan dan kesediaannya membayar balik dengan cepat. Penjual buku dikehendaki menjual buku dengan harga yang ditetapkan oleh BLB. Ini termasuk dalal dan komisen.

Bahagian Pengedaran juga mempunyai tugas khusus mengedarkan buku teks dalam Skim Pinjaman Buku Teks Sekolah Rendah untuk Jabatan Pelajaran Sarawak. Pada tahun 1976 keseluruhan Skim ini memakan belanja sebanyak RM2 juta.<sup>80</sup>

Dari segi keberkesanan penjualan dan pengedaran buku, BLB dapat dianggap agak berjaya dalam melaksanakan tugas ini. Dalam tempoh 1962 hingga 1976 sebanyak 6,256,722 naskhah buku dan majalah berjaya dijual oleh BLB. Dalam tempoh tersebut buku mencatat jualan sebanyak 1,267,338 naskhah, *Dolphin* bahasa Inggeris 1,661,353 naskhah, *Dolphin* bahasa Cina 1,423,806 naskhah, *Nendak* 129,868 naskhah, *Perintis* 311,867 naskhah, *Peta* 1,363,686 naskhah dan bentuk- bentuk penerbitan lain 98,804 naskhah.<sup>81</sup>

Pecahan dari segi bahasa buku-buku umum terbitan BLB yang terjual dalam tempoh 1964 hingga 1976 adalah seperti yang berikut: buku dalam bahasa Inggeris 151,325 naskhah (41%), Cina 39,560 naskhah (11%), Iban 136,447 naskhah (37%), Melayu 35,640 naskhah (9%) dan bahasa-bahasa lain

---

<sup>79</sup>Ibid.

<sup>80</sup>Ibid.

7221 naskhah (2%). Jumlah keseluruhan buku yang terjual dalam tempoh tersebut ialah sebanyak 368,659. Ini bermakna purata buku umum BLB yang laku dalam setahun ialah sekitar 26,332 naskhah.

**Jadual 1.7.4 Buku umum BLB yang terjual mengikut bahasa 1964 - 1976**

TAHUN	INGGERIS	CINA	IBAN	MELAYU	LAIN	JUMLAH
1964	9081	534	10233	534	995	20843
1965	14832	486	16747	483	112	32660
1966	12312	1720	11677	894	962	27565
1967	22186	609	17413	6550	336	47094
1968	14767	1187	11503	1475	585	29517
1969	8726	588	8543	918	422	19197
1970	8177	2204	8900	1863	248	21392
1971	6067	3126	5707	2679	280	17859
1972	8797	4228	7223	2675	293	23216
1973	9760	3484	8025	1489	1935	24693
1974	14537	5575	9264	5735	600	35711
1975	12930	6564	7284	5413	1513	32344
1976	9153	8255	13928	4932	300	36568
<b>Jumlah/ Peratus</b>	<b>151325</b>	<b>39560</b>	<b>13644</b>	<b>35640</b>	<b>7221</b>	<b>368659</b>

Sumber: *Laporan Tahunan BLB 1960-1976*

Keseluruhan buku pelajaran yang terjual dalam tempoh 1964 hingga 1976 pula ialah sebanyak 699,270 naskhah. Pecahan berdasarkan bahasa pula ialah buku dalam bahasa Inggeris 500,118 naskhah (71%), Cina 83,655 naskhah (12%), Iban 111,451 naskhah (16%) dan Melayu 4046 naskhah (1%).

Jualan buku dalam bahasa Melayu sahaja iaitu untuk tempoh 1964 hingga 1974 memperlihatkan keadaan yang menarik. Dalam tempoh tersebut

---

<sup>81</sup>*Ibid.*

buku sastera mencatat penjualan sebanyak 20,682 naskhah atau 81.76% berbanding buku umum dalam bahasa Melayu hanya 4,613 naskhah atau 18.23%. Jumlah keseluruhan buku Melayu yang terjual dalam tempoh tersebut ialah sebanyak 25,295 naskhah.

**Jadual 1.7.5 Buku umum bahasa melayu dan buku sastera terbitan BLB yang terjual 1964 - 1974**

BUKU UMUM B.MELAYU (NASKHAH)	BUKU SASTERA (NASKHAH)	BUKU B.M. LAIN- LAIN (NASKHAH)
25.295	20,682	4613
100%	81.76%	18.23%

Sumber: *Laporan Tahunan BLB 1960-1976*

Dari segi nilai, hasil jualan buku BLB dalam tempoh hayatnya iaitu 1960 hingga 1976 ialah sebanyak RM5,071,513.03. Purata nilai hasil jualan buku setahun ialah sebanyak RM298,324.29. Tahun 1967 mencatat nilai hasil jualan buku tertinggi dengan jumlah RM465,758.18. Sementara tahun 1960 mencatat nilai hasil jualan terendah dengan hanya merekodkan sebanyak RM217,528.<sup>82</sup>

Penjualan buku BLB juga diurus dan dilaksanakan melalui Depo Buku BLB. Depo buku ini mengurus, mengendalikan dan menjalankan kegiatan penjualan buku. Unit ini adalah di bawah kawalan Bahagian Penyebaran BLB.

#### **1.4.4 Beberapa Penulis Sarawak Yang Aktif Selepas BLB**

Adi Badiozaman Tuah penulis Sarawak yang mencatat sejarah apabila puisinya ‘Penagih Sepi’ memenangi Hadiah Sastera Malaysia kategori puisi pada tahun 1975, sepanjang yang dikaji, tidak menerbitkan ataupun menyiaran karyanya melalui BLB. Tetapi penulis kelahiran Bintulu ini menulis sejak awal 1970-an lagi. Beliau dapat dianggap sebagai salah seorang penyair terkemuka Sarawak.

Pada peringkat awal penglibatannya dalam bidang penulisan, Adi Badiozaman Tuah banyak menyiaran karyanya di majalah dan akhbar kebangsaan seperti dalam *Dewan Sastera*, *Utusan Malaysia* dan juga *Berita Harian*. Perkara ini terjadi kerana pada tempoh 1971-1973 beliau menuntut di Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Sebagai antara penulis Sarawak yang paling awal mendapat pendidikan di Universiti beliau mempunyai peluang dan pengalaman untuk menulis dan menyiaran karya dalam media kebangsaan.

Puisi yang dihasilkan oleh Adi Badiozaman Tuah meletakkan dirinya sebaris dengan penyair terkemuka Malaysia ketika itu. Beliau mampu menghasilkan puisi yang bermutu di tengah-tengah keaktifan Usman Awang, A. Samad Said, Zaihasra, Anis Sabirin, Siti Zainon Ismail, Suhaimi Haji Muhamad, Dharmawijaya, A. Wahab Ali, Kemala, Firdaus Abdullah, A. Latif Mohidin, Muhammad Haji Salleh, Zurinah Hassan, Shamsudin Jaafar, Jaafa HS, dan

---

<sup>82</sup>*Ibid.*

ramai lagi. Beliaulah satu-satunya penulis Sarawak yang menempa nama di peringkat kebangsaan ketika itu.

Antara karya yang dihasilkan oleh Adi Badiozaman Tuah ialah, antologi puisi persendirian iaitu *Lagu Malam* (1986), dan *Puisi Buat Mama* (1988) terbitan GPPS. Sementara puluhan puisinya termuat dalam antologi bersama iaitu *Sayang Sarawak* (1984) terbitan GPPS, *Puisi-Puisi Kenyalang I* (1984) terbitan DBP, *Sematan* (1984) terbitan GPPS, *Nyanyian Wau* (1987) terbitan DBP, *Malaysia Dalam Puisi* (1988) terbitan DBP, *Kumpulan Puisi Malaysia* (1986), terbitan DBP, *Nafas Kemanusiaan* (1989) terbitan DBP, *Cikgu* (1988) terbitan Jabatan Pendidikan Sarawak dan *Guru Oh Guru* (1989) terbitan Jabatan Pendidikan Sarawak. Beliau turut menghasilkan skrip drama pentas iaitu *Si Tenggang* yang termuat dalam antologi *Bumiku Oh Bumiku* (1987) terbitan DBP.

Saiee Driss juga muncul awal 1970-an. Seperti Adi Badiozaman Tuah, beliau tidak menggunakan BLB sebagai tempat untuk menerbitkan dan menyiarakan karyanya. Saiee Driss terkenal dalam genre puisi. Puisi beliau yang terawal tersiar dalam *Majalah Filem* pada tahun 1965.<sup>63</sup>

Keaktifan Saiee Driss lebih menyerlah selepas tertubuhnya DBP Cawangan Sarawak pada tahun 1977. Melalui DBP beliau telah menyuarakan puisi, kritikan, rencana dan cerpen. Selain itu menerbitkan karya melalui GPPS. Antologi puisi beliau *Surat Putih* telah diterbitkan oleh DBP pada tahun 1995.

---

<sup>63</sup> Temubual dengan Encek Saiee Driss di RTM Kuching pada 26 Julai 1999.

Beliau juga merupakan salah seorang penggiat sastera yang banyak menggerakkan kegiatan persatuan penulis di Sarawak. Saiee Driss pernah menjadi Ketua Satu GPPS, Angkatan Karya dan Rusda. Sehingga kajian ini dibuat beliau sedang menubuhkan persatuan penulis di Kuching yang dinamakan 'Karyawan'.

Jeli Bohari Biha juga antara penulis yang muncul pada awal tahun 1970. Puisi beliau yang pertama tersiar dalam majalah berjudul 'Kepada Nurliza' dalam *Dewan Sastera*, September 1970. Seterusnya Jeli Bohari Bihar bersama penggiat lain telah menubuhkan Persatuan Penulis Utara Sarawak (PUTERA) di Miri pada tahun 1979. Persatuan ini masih aktif hingga sekarang.

## 1.5 Perkembangan Sastera Di Sarawak 1977 – 1998

Dua dekad terakhir ini memperlihatkan satu tahap perkembangan sastera yang amat memberangsangkan. Dapat dikatakan tahap ini adalah tempoh kemuncak dalam kegiatan bersastera di Sarawak dengan berlangsung beberapa aktiviti sastera yang penting, kelahiran penulis muda yang prolifik, terhasilnya beberapa karya sastera yang bermutu, keaktifan beberapa persatuan penulis dan bantuan serta sokongan kerajaan terhadap bidang sastera.

Tahap ini sebenarnya dipengaruhi langsung oleh kehadiran Cawangan DBP di Sarawak pada tahun 1977. DBP mengambil alih seluruh fungsi yang telah dijalankan oleh BLB sebelum sejak tahun 1959. Secara khusus pula DBP Cawangan Sarawak menjalankan tugas pembinaan dan pengembangan bahasa

dan sastera di samping membantu ibu pejabat menjalankan tugas pemasaran dan penerbitan buku.<sup>84</sup>

Dengan pengambilalihan seluruh fungsi BLB bermakna DBP Cawangan Sarawak menjadi agensi yang bertanggungjawab penuh dalam soal membina, mengembang dan memartabatkan bahasa dan sastera di Sarawak, di samping tugas yang amat penting untuk menyokong perkembangan bahasa dan sastera iaitu penerbitan dan pemasaran buku. Secara langsung, pada tahun 1977 DBP menjadi pusat serta tumpuan para peminat, pengkaji dan khalayak bahasa dan sastera di Sarawak.

Bagi memenuhi fungsi dan peranan dalam bidang sastera kebangsaan, DBP Cawangan Sarawak telah menjalankan beberapa kegiatan dengan menjurus kepada matlamat yang berikut:<sup>85</sup>

- i. Untuk mempuak minat dan penghayatan di kalangan masyarakat di Sarawak terhadap sastera kebangsaan;
- ii. Untuk membina bakat penulisan kreatif dan meningkatkan mutu karya sastera di Sarawak;
- iii. Untuk memperbanyakkan bahan penerbitan sastera kebangsaan di Sarawak.

---

<sup>84</sup>Hajijah Jais, “Peranan Dewan Bahasa dan Pustaka Dalam Perkembangan Sastera Kebangsaan di Sarawak,” dlm. *Wajah Sastera Sarawak*, hlm. 388.

<sup>85</sup>*Ibid.*

DBP secara umumnya mempunyai empat cara bagi menggalakkan pertumbuhan bakat sastera. Antaranya termasuklah menganjurkan Peraduan Menulis Sastera Kreatif, memberikan bantuan kewangan, khidmat tenaga dan nasihat serta kemudahan-kemudahan lain yang sesuai kepada persatuan-persatuan penulis yang mengadakan kegiatan sastera masing-masing yang sesuai dengan matlamat serta dasar DBP sendiri.

Pada tahun 1978, DBP Cawangan Sarawak telah menganjurkan Peraduan Menulis Cerita Kanak-Kanak. Sebanyak 17 penyertaan telah diterima. Pada tahun 1979 dan tahun berikutnya genre cerpen dan cerita kanak-kanak dipertandingkan. Sembilan belas karya cerita kanak-kanak diterima sementara penyertaan untuk genre cerpen pula ialah tiga puluh empat. Dalam siri ketiga (1980), penyertaan untuk bahagian cerita kanak-kanak ialah 29 dan cerpen ialah 52 dua. Hasil dari siri peraduan ini, pengajur telah berjaya menerbitkan dua buah buku antologi cerpen bersama: *Menanti Subuh dan Hati*.<sup>86</sup>

Peraduan menjadi kegiatan tahunan yang penting kepada DBP dan sentiasa pula mendapat sambutan yang amat menggalakkan daripada penulis tempatan. Melalui peraduan ini diterbitkan pula hasil penyertaan yang bermutu untuk bacaan umum. Pada tahun 1981 diterbitkan antologi cerpen *Suatu Pencarian*. Tahun 1982/83 terhasil antologi cerpen *Antara Dua Kepercayaan*, serta tiga novel iaitu *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* oleh Jong Chian Lai, *Ranjau Semalam* oleh Awang Rosli Awang Jaya dan *Kenyalang Terbang Bebas* oleh Jamilah Morshidi.

---

<sup>86</sup>Ibid., hlm. 389.

Peraduan seterusnya menjadi kegiatan tahunan yang penting bagi DBP Cawangan Sarawak. Selain menggalakkan penyertaan penulis baru, peraduan juga menjadi salah satu cara untuk mendapatkan karya sastera bagi tujuan penerbitan. Hasil daripada peraduan pada tahun 1985, terbit antologi puisi *Lagu Kenangan* dan antologi cerpen *Kedamaian Yang Hilang*.

Pembinaan bakat penulis oleh DBP Cawangan Sarawak juga dilaksanakan melalui bimbingan secara formal kepada para penulis. Bimbingan ini biasanya dalam bentuk bengkel asas penulisan, ceramah, apresiasi karya, diskusi sastera, seminar, randau dan pertemuan penulis. Salah satu kegiatan yang banyak membantu pembinaan bakat penulis ialah kegiatan Sudut Penulis. Melalui kegiatan Sudut Penulis, para penulis sekitar Kuching berbengkel sesama sendiri untuk mempertingkatkan pengalaman, kepakaran serta ilmu dalam bidang penulisan kreatif.

Antara penulis yang terlibat dalam kegiatan Sudut Penulis ialah Saiee Dris, Mohamad Driss, Jiso Rutan, Sazali Mohamad, Majuni Palera, Zakeria Embi, Jamilah Morshidi, Mohamad Sabli, Jeniri Amir, Zaini Ozea, Adi Badiozaman Tuah, Matzidi Driss.

Bengkel penulisan yang dianjurkan khusus oleh DBP Cawangan Sarawak kerap kali dibimbing oleh penulis yang sudah terkenal seperti Ajikik, Hashim Awang, Abdullah Tahir, Saleh Daud, Othman Puteh, Rubaidin Siwar, Dinsman, Anwar Ridwan, Sahlan Mohd. Saman, Rahman Shaari dan Anis. Penglibatan Sasterawan Negara iaitu Usman Awang, A. Samad Said, Shahnon Ahmad,

Abdullah Hussain dan Muhammad Haji Salleh banyak membantu pembinaan penulis kreatif di Sarawak.

Bimbingan yang diberikan oleh DBP Cawangan Sarawak kepada para penulis begitu berkesan dalam membina mereka sebagai penulis yang berwibawa. Ternyata melalui bengkel tersebut, penulis Sarawak dapat meningkatkan mutu penulisan mereka. Malah tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa kebanyakan pemenang peraduan penulis kreatif anjuran DBP Cawangan Sarawak adalah terdiri daripada peserta-peserta yang pernah menghadiri bengkel.<sup>87</sup>

Penubuhan DBP di Sarawak telah melahirkan ramai penulis yang prolifik dan kreatif. Pada penghujung tahun 1970-an dan awal 1980-an muncul penulis seperti Jeniri Amir, Mohd. Fauzan Narudin, Badwi Une, Shamserbi Nerudin, Ahmad Hamdan, Jong Chian Lai, Awangku Merali Pangeran Mohamad, Jamilah Morshidi, Zakeria Embi, Mohamad Sebli, Awang Rosli Awang Jaya, Mohamad Dris, Majuni Palera, Jeniri Amir, Jais Sahok, Abdillah SM, Chan Khun Neng, Jeli Bohari Bihar, Pharo Abdul Hakim, Abizai Abi, Hajijah Jais, Jiso Rutan, Jali Haji Kenoi, Benedict Talib, Openg Onn, Jantan Umbat, Ratnawati Jamil, Mohd. Taufeq Mohd. Said dan Hajijah Jais.

---

<sup>87</sup>*Ibid.*, hlm. 390.

Penulis yang muncul awal 1980-an yang paling produktif ialah Jais Sahok. Setakat kajian ini dibuat, sebanyak lapan buah novel beliau telah diterbitkan oleh DBP. Novel tersebut sebahagian besarnya adalah novel remaja dan novel umum dewasa. Novel berkenaan ialah *Mega-Mega Kelabu* (1991), *Buhul-Buhul Kasih Di Benang Basah* (1992), *Bermulanya Di Sini* (1992), *Merah Senja Di Hujung Cuti* (1993), *Rahsia Saidin* (1992), *Hisyam* (1991), *Perempuan Tua Di Bangunan Satok* (1996) dan *Persimpangan* (1997).

Antologi cerpennya ialah *Garis Panorama* (1994) dan *Sekerat Rotan Sebuah Kasih* (1994) juga diterbitkan oleh DBP. Selain itu Jais Sahok juga menulis novel kanak-kanak yang diterbitkan oleh penerbit lain. Novel berkenaan ialah *Dunia Tidak Selalu Sepi* (1989) diterbitkan oleh GPPS, *Ondok* oleh Longman, Malaysia (1992) diterbitkan, *Perahu Tambang* (1993), *Buah Taop* (1993), *Ke Medan Jaya* (1993) dan *Syair Perahu Tambang* (1993). Sementara tiga buah novel remaja beliau telah diterbitkan oleh Pustaka Mawar, Kelang ialah *Jalan Ke Puncak* (1996), *Bangsawan* (1996) dan *Ikan Keli* (1996). Dalam bidang puisi penulis ini hanya menghasilkan sebuah antologi persendirian iaitu *Anak* (1989) terbitan GPPS.

Jong Chian Lai juga merupakan antara penulis angkatan 1980-an yang masih aktif berkarya sehingga kini. Beliau telah menghasilkan empat novel iaitu *Gugurnya Langit Hijau Nanga Tiga* (1982), *Pindah* (1988), *Buaya Putih Buaya Kudung* (1995) dan *Pemberontakan* (1996). Kumpulan cerpen beliau ialah *Bunga Rimba* (1997) kesemuanya adalah terbitan DBP. Selain itu puluhan

cerpen beliau termuat dalam antologi cerpen bersama yang sebahagian besarnya diterbitkan oleh DBP.<sup>88</sup>

Awangku Merali Pangeran Mohamed walaupun tidak begitu banyak menghasilkan cerpen berbanding Jais Sahok dan Jong Chian Lai tetapi beliau merupakan antara cerpenis terkuat yang pernah muncul di Sarawak. Kekuatan cerpennya meletakkan Awangku Merali Pangeran Mohamed sebaris dengan cerpenis ternama seperti Anwar Ridwan, Azizi Haji Abdullah, Abdullah Tahir, Othman Puteh dan lain-lain di Semenanjung Malaysia.

Cerpen beliau seperti 'Cerita Dari Sebuah Taman' telah memenangi empat pertama Hadiah ESSO – Gapena VIII (1991). Sementara cerpennya iaitu 'Ber (se) lindung Di Sebalik Gunung' untuk peraduan yang sama mendapat empat yang ketiga pada tahun 1991. Bagi Hadiah Sastera Malaysia pula cerpen Awangku Merali yang terpilih ialah 'Angin Dari Senayan' (1984/85) dan 'Merah Banjir Di Hulu' (1986/87). Di peringkat negeri Sarawak, cerpen 'Pelagus' telah mendapat tempat pertama dalam peraduan menulis sempena perasmian bangunan DBP Sarawak pada tahun 1991.

Skrip drama pentas beliau yang bertajuk 'Tukang Ensera' telah memenangi hadiah pertama peraduan menulis drama pentas anjuran DBP Sarawak pada 1991. Pada tahun 1988 Awangku Merali Pangeran Mohammed telah menghasilkan skrip filem iaitu 'Anak Sarawak' arahan Rahim Razali.

---

<sup>88</sup>Jong Chian Lai ialah penulis berketurunan Cina tetapi banyak menulis cerpen dan novel tentang permasalahan masyarakat Iban di Sarawak. Cerpen-cerpen beliau sebahagian besarnya adalah kesan pengalaman beliau semasa bertugas di Sri Aman yang merupakan antara kawasan yang ramai penduduk Iban.

Pada 1990-an muncul pula beberapa penulis muda Sarawak yang membawa sedikit kelainan dalam teknik penulisan serta penggarapan tema dan persoalan. Dalam bidang puisi lahir Yusuf Lotot, Arjuna Mustapha, Benjamin Matusin, Dahiri Saini, Jaafar Hamdan, Robby Emang dan Roslan Jomel. Mereka sedaya mungkin cuba membawa gaya penulisan yang lebih bebas, lebih berahsia dan lebih ringkas persajakannya.

Dahiri Saini mempunyai kekuatan dari segi penggarapan tema dan persoalan yang begitu padat dan tepat. Malah penulis ini yang juga kuat dalam bidang cerpen mempunyai masa depan yang cukup baik dalam penulisan kreatif. Beliau beberapa kali memenangi peraduan penulisan kreatif sama ada di peringkat negeri mahupun kebangsaan dalam kedua-dua genre puisi dan cerpen.

Sementara Robby Emang yang baru berusia sekitar enam belas tahun mempunyai gaya persajakan yang amat berjimat dengan kata tetapi sarat dengan makna. Yusuf Lotot pula mengisi sajak-sajaknya dengan falsafah kehidupan yang rencam. Roslan Jomel sedikit berlainan dengan mencipta sajak yang penuh rahsia, penuh simbol dan kadang-kadang agak panjang. Jaafar Hamdan muncul dengan sajak-sajak yang langsung tetapi penuh dengan semangat kecintaan kepada negaranya. Semangat yang sama juga termuat dalam sajak-sajak Benjamin Matussin.

Awal tahun 1990-an juga menyaksikan bidang cerpen di Sarawak didatangi muka-muka baru yang menjanjikan penghasilan karya yang bermutu. Mereka diterjui oleh Dahiri Saini, Abang Madian Abang Said, Sriwati Labot dan

Zaha Hassan. Dahiri Saini terutamanya telah berjaya memenangi peraduan menulis kreatif (cerpen) peringkat kebangsaan.

Secara keseluruhan kelainan yang cuba dibawakan oleh penulis muda ini dalam bidang cerpen ialah teknik penulisan yang lebih rumit dan sukar difahami pada pembacaan pertama. Persoalan-persoalan lebih banyak digarap dengan cara penuh simbolik dan menuntut penafsiran yang teliti oleh pembaca.

Dalam genre novel tidak banyak penulis muda yang berani mencuba. Awal tahun 1990-an muncul Douglas Jaga dengan novel *Kelingkang*. Novel ini menurut Zaini Ozea (sesi bicara buku di Miri pada 7 Jun 1999) adalah antara novel terkuat yang pernah dihasilkan oleh penulis Sarawak setakat ini. Novel ini merupakan karya pertama Douglas Jaga dan beliau mempunyai masa depan yang cukup cerah dalam penulisan kreatif.

Selain itu Buang Haji Umar juga telah menghasilkan novel biografi yang berjudul *Novel Biografi: Zain Hashim*. Novel ini walaupun tidak begitu diperkatakan tetapi sudah meletakkan pengarangnya sebagai penulis yang berpotensi dalam novel. Razemah Bolhasan juga penulis muda yang mempunyai kekuatan tersendiri dalam bidang novel di Sarawak. Pada peraduan menulis novel sempena Bulan Bahasa 1997, beliau mendapat hadiah saguhati.

Bidang penulisan skrip drama pentas pada awal tahun 1990-an tidak menunjukkan banyak perkembangan. Sebahagian besar penggiat teater di Sarawak masih gemar dan bergantung pada skrip drama yang telah diterbitkan (dibukukan) untuk dipentaskan. Usaha hanya dilakukan oleh Awangku Merali Pangeran Mohammed dengan menulis mengarah dan mementaskan sendiri

teater ‘Tukang Ensera’ pada tahun 1991. Drama ini memenangi pelakon pembantu lelaki terbaik serta persembahan terbaik dalam Pekan Teater Kebangsaan tahun 1991.

Hazami Jahari juga telah menghasilkan skrip sendiri untuk diarah dan dipentaskan. Drama tersebut ialah ‘Circular No.9’ (1997) dan ‘Peta 63’ (1998). Kedua-dua skrip tersebut adalah drama sejarah tentang perjuangan politik orang Melayu di Sarawak.

Bidang kritikan sastera di Sarawak seperti awal 1980-an, pada tempoh 1990-an juga mengalami keadaan yang hampir sama, iaitu tidak ramai pengkritik yang berwibawa dan produktif. Kritikan sastera masih lagi mengekalkan Jeniri Amir sebagai pengkritik yang masih aktif sejak 1980-an. Di samping beliau muncul Abang Patdeli Abang Muhi, Saiee Driss, Rafaee Ismail, Jaafar Hamdan dan Hazami Jahari.

Di kalangan penulis muda itu, Hazami Jahari ternyata lebih produktif dengan menumpukan kepada kritikan cerpen, novel dan puisi penulis tempatan (Sarawak). Tulisan-tulisan beliau banyak tersiar dalam *Utusan Borneo*, *Utusan Sarawak* dan sekali sekala dalam *Berita Harian*, *Dewan Sastera*, *Dewan Budaya* dan *Pelita Bahasa*.

## **1.6 Faktor-Faktor Perkembangan Sastera di Sarawak**

Perkembangan sastera di Sarawak dipengaruhi oleh beberapa faktor yang saling berkaitan. Antara satu faktor dengan faktor yang lain sebenarnya sukar untuk dipisahkan dengan jelas.

Faktor-faktor utama yang mempengaruhi perkembangan sastera di Sarawak ialah semangat nasionalisme serta keagamaan, perkembangan pendidikan, penubuhan agensi atau badan khusus dalam bidang bahasa serta sastera, peranan persatuan penulis dan sokongan kerajaan. Dengan empat faktor utama ini, perkembangan sastera di Sarawak menjalani proses yang agak panjang dan dalam keadaan tertentu menghadapi beberapa cabaran pula.

### **1.6.1 Semangat Nasionalisme dan Keagamaan**

Seperti mana penulis-penulis awal di Tanah Melayu, kelahiran penulis di Sarawak juga turut disebabkan oleh semangat cinta akan bangsa dan negara sendiri. Sarawak mula dijajah oleh imperialis Barat iaitu British secara rasmi pada 1 Julai 1946. Mulai tarikh tersebut Sarawak diserah, diperintah dan ditadbir sepenuhnya oleh kerajaan British. Gabenor British yang pertama di Sarawak ialah Duncan Stewart.

Sarawak sebenarnya telah menjadi negeri naungan Dinasti Brooke sejak tahun 1841 lagi. James Brooke seorang bangsa Inggeris telah membantu Brunei mengamankan Sarawak daripada ancaman pemberontakan. Pemberontakan ini

dicetuskan oleh rakyat Sarawak yang mahu bebas daripada kezaliman pembesar-pembesar Brunei yang mentadbir Sarawak ketika itu.

Sebagai balasan atas usaha James Brooke mengamankan Sarawak daripada pemberontakan tersebut, Sultan Brunei menyerahkan Sarawak untuk ditadbir kepada James Brooke pada 24 September 1841. Bersama-sama dengan penyerahan itu beliau telah diberi sekeping tanah jajahan seluas lebih kurang 3000 batu persegi iaitu anggaran seluas Bahagian Pertama sekarang.<sup>89</sup>

Berdasarkan perjanjian itu James Brooke akan memerintah Sarawak bagi pihak Sultan dan membayar baginda sejumlah \$2500 setahun.<sup>90</sup>

Pada peringkat awal James Brooke tidak memakai gelaran raja sebaliknya menggelarkan dirinya 'Tuan Besar' atau Great Lord.<sup>91</sup> Beberapa tahun kemudian barulah beliau memakai gelaran Rajah untuk dirinya sebagai pemerintah atau raja Sarawak.

Apabila James Brooke mati pada tahun 1968 tempatnya telah diambil alih oleh Charles Brooke sebagai Rajah Sarawak kedua. Beliau memerintah Sarawak selama 49 tahun iaitu sehingga tahun 1917.<sup>92</sup> Rajah ketiga dan terakhir Sarawak dari Dinasti Brooke ialah Charles Vyner Brooke yang memerintah hingga 1946. Selepas itu barulah Sarawak diserahkan kepada British.

---

<sup>89</sup>Bahagian Pertama sekarang telah dipecahkan menjadi dua bahagian untuk Bahagian Kuching dan Bahagian Samarahan mendalam persempadanan baru kawasan pentadbiran Sarawak pada tahun 1988.

<sup>90</sup>Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, hlm. 7.

<sup>91</sup>Sanib Said, *Malay Politics in Sarawak 1946-1966: The Search For Unity and Political Ascendancy*, Oxford University Press, Singapore, 1985, hlm. 12.

<sup>92</sup>Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan Di Sarawak*, hlm. 7.

Sejarah penjajahan oleh bangsa asing iaitu orang Inggeris di negeri Sarawak memberi kesan yang amat mendalam kepada penduduk peribumi Sarawak. Di kalangan orang Melayu, Iban, Bidayuh dan suku-suku lain memang tidak pernah menerima orang asing sebagai pemerintah. Beberapa siri penentangan dibuat untuk mengusir penjajah dari Sarawak.

Penentangan orang Melayu terhadap James Brooke dipelopori oleh Datuk Patinggi Ali, kemudian Datuk Patinggi Abdul Ghapur serta Sharif Manshor serta beberapa pejuang Melayu lain di daerah-daerah tertentu seluruh Sarawak. Sementara di kalangan orang Iban penentangan mereka diketuai oleh Rentap.

Penentangan terhadap penjajah bukan setakat kerana mahu mengusir penjajah dan ingin memerintah sendiri Sarawak tetapi juga mahu meningkatkan tahap hidup seluruh penduduk dari segi ekonomi. Penjajah dilihat sebagai perampas ekonomi peribumi kerana mereka mengenakan pelbagai cukai dan peraturan yang berkaitan dengan pertanian, perhutanan, perdagangan dan pentadbiran. Keadaan ini menimbulkan kebencian pembesar tempatan sekaligus menyekat sumber ekonomi yang pernah mereka kuasai sebelum penjajah datang.<sup>93</sup>

---

<sup>93</sup>Sanib Said, *Malay Politics In Sarawak: The Search For Unity and Ascendancy*, hlm. 13.

Menyedari kemunduran negeri Sarawak dalam aspek kehidupan iaitu ekonomi dan pertanian kesan dari pengabaian oleh penjajah Ahmad Shawal bin Abdul Hamid yang juga jurutulis kepada Rajah ketika itu telah menghasilkan sebuah karya iaitu *Hikayat Panglima Nikosa* pada tahun 1876. Dalam Hikayat ini pengarang menyarankan kaedah-kaedah pertanian moden yang dapat membantu meningkatkan hasil tani.

Philip Lee Thomas menyatakan "Generaly speaking, it is in line with the transition which was then taking place among the Malays of north west Borneo from a fishing and hunting economy to an agriculture economy in which trading was important".<sup>94</sup> *Hikayat Panglima Nikosa* begitu jelas lahir daripada kesedaran Ahmad Shawal Abdul Hamid terhadap kemunduran bangsa bumiputera dalam bidang ekonomi pertanian di Sarawak ketika itu. Kemunduran yang dialami antara lain disebabkan oleh kaedah pertanian yang tidak ekonomikal atau tidak moden.

Karya yang unik ini mempersembahkan suatu pandangan impian tentang pembaharuan sosial melalui kepintaran dan kerja keras. Cerita menganjurkan pusingan tanaman, pengenalan spesis rumbia yang baik, perancangan bandar, pendidikan kanak-kanak lelaki dan perempuan dan keselamatan sosial untuk orang tua.<sup>95</sup>

Walaupun dalam karya ini tidak diperlihatkan dengan jelas unsur-unsur penentangan terhadap penjajah, tetapi kesedaran untuk memajukan ekonomi bangsa sudah cukup menggambarkan semangat cinta akan bangsa di hati

---

<sup>94</sup>Philip Lee Thomas dan Habibah Chesi, "Pengenalan" dlm. *Kenangan Budi*, 1992, hlm. xi.

<sup>95</sup>Ibid., hlm. xi.

pengarang. Secara tidak langsung pengarang memperlihatkan bahawa bangsa bumiputera ketika itu masih jauh ketinggalan dalam bidang ekonomi yang memerlukan perubahan cara dan sikap. Di sini penjahah semacam cuba disindir secara yang amat halus.

Dapat disimpulkan bahawa penghasilan *Hikayat Panglima Nikosa* oleh Ahmad Shawal bin Abdul Hamid kesan langsung daripada semangat nasionalisme yang mengalir dalam dirinya. Sebagai anak bangsa yang cinta akan bangsa dan negeri sendiri beliau berusaha menyedarkan bangsa agar mengubah cara pertanian tradisional yang tidak begitu menguntungkan kepada kaedah baru yang lebih menguntungkan.

Semangat nasionalisme juga menjadi pendorong utama kepada Muhammad Rakawi Yusuf apabila menghasilkan novel *Melati Sarawak* pada tahun 1932. Novel pertama Sarawak ini dengan jelas memaparkan aspirasi pengarang untuk menyedarkan bangsa Melayu agar tidak terus ketinggalan dalam aspek kehidupan berbanding bangsa asing.

Di dalam novelnya Muhammad Rakawi menyatakan bahawa punca kemunduran dan kelemahan anak muda Melayu adalah akibat permainan gendang Melayu. Menurut pengarang, permainan ini menyebabkan anak muda tidak cukup tidur dan asyik berhibur sahaja tanpa memikirkan cara untuk memajukan ekonomi bangsa. Akibatnya orang Melayu ketinggalan dalam bidang perniagaan dan perusahaan.

Dalam *Melati Sarawak* juga pengarang menyanggah sikap orang Melayu yang tidak mementingkan pelajaran kepada anak-anak mereka. Hal ini juga

menjadi punca kepada kemunduran bangsa Melayu. Sebagai suatu saranan, pengarang memaparkan kejayaan keluarga Pak Noraldin sebagai kontraktor binaan serta cara hidup mereka yang lebih moden. Ini dilakukan untuk menggambarkan taraf hidup yang lebih baik serta ekonomi yang lebih kukuh.

Kesedaran Muhammad Rakawi Yusuf terhadap masalah bangsa Melayu akibat dasar penjajah adalah pendorong utama kepada kelahiran novel *Melati Sarawak*. Cita-cita pembangunan bangsa yang diterapkan dalam karyanya itu adalah ekspresi daripada semangat cinta akan bangsa. Tidak cukup dengan itu, Muhammad Rakawi bersama Haji Abdul Rahman Haji Kassim, Mohd. Johari Anang dan Mohamad Ma'mon Nor menerbitkan akhbar *Fajar Sarawak*.

*Fajar Sarawak*, akhbar berbahasa Melayu yang pertama di Sarawak terbit pada tahun 1930 adalah suara hati pejuang Melayu dalam menentang penjajah. Penjajah bukan setakat pemerintah tetapi juga penyebar dan pembawa agama Kristian. Oleh itu, sebagai usaha menentang suasana ini mereka menulis di dalam akhbar walaupun secara tidak langsung. Yang jelas akhbar adalah suara penentangan kepada penjajah dan sebagai kaedah menyebarkan pembaruan Islam.

Dalam bidang ekonomi, *Fajar Sarawak* banyak menyentuh soal keperluan bangsa Melayu melibatkan diri dalam perniagaan. Perkara ini dijelaskan melalui rencananya:

jika kita pandang pada kedai-kedai yang di dalam pekan Kuching hampir kesemuanya kepunyaan bangsa Cina, Keling dan juga rumah-rumah batu di dalam bandar ini jika dihitung dalam seratus cuma didapati satu dua bangsa kita (Melayu). Akan tetapi mana-mana yang ada mempunyai rumah-rumah di dalam pekan itu kenapakah mereka tidak mahu mencuba

membuka apa-apa perniagaan supaya meninggikan nama bangsa kita dengan tidak ada kesusahan atau kepayahan buat mencari rumah tempat menunjukkan bunga kemajuan.<sup>96</sup>

Semangat keagamaan juga mendorong penulis berkarya khususnya dalam rencana dan puisi. *Fajar Sarawak* dengan jelas banyak memaparkan rencana yang membawa cita-cita pembaharuan agama Islam pengaruh dari perubahan yang berlaku di Timur Tengah ketika itu. Haji Daud bin Abdul Ghani antara tokoh yang kerap menulis rencana tentang cita-cita pembaharuan Islam dalam *Fajar Sarawak*.

Rencana dalam *Fajar Sarawak* pada 1 Jun 1930 mencatatkan, Tanah Arab di zaman jahiliyah anak perempuan ditanam hidup-hidup. Kasih sayang antara manusia hampir tiada.<sup>97</sup> Rencana ini jelas menerapkan pengajaran agama kepada pembaca bagi menjadi benteng kepada orang Islam.

Dorongan semangat nasionalisme dan keagamaan juga menjadi faktor penting kepada penerbitan akhbar *Utusan Asas* dan seterusnya *Utusan Sarawak* pada tahun 1949. Ikhwan Zaini salah seorang pejuang politik Melayu adalah penggerak kepada akhbar ini. Beliau antara orang yang paling jelas menentang penyerahan Sarawak kepada British menggunakan akhbar ini untuk menyatakan pendirian dan sikapnya.

Walaupun lahir daripada semangat nasionalisme iaitu mahu membebaskan negeri Sarawak daripada penjajahan, *Utusan Sarawak* secara langsung telah memberikan ruang kepada penulis untuk menyalurkan fikiran

---

<sup>96</sup>*Fajar Sarawak*, 4 Mac 1930.

<sup>97</sup>*Ibid.*

mereka iaitu dalam rencana, puisi dan sketsa. Sekaligus ini mengembangkan kegiatan bersastera di Sarawak. Telah disebutkan sebelum ini dalam genre puisi lahir penulis Iwadrahman, Adi Putera, Ibnu Haizan dan Othmani. Sementara dalam penulisan sketsa muncul Salem Yoyo dan Kuching. Penulisan rencana melahirkan A. Hamden dan Raden Mas yang menulis rencana tentang kepentingan bahasa Melayu.

Muhamad Bujang juga menulis antara lain kerana semangat cinta akan bangsa dan negeri sendiri. Paling jelas beliau menggunakan rencana untuk menyatakan beberapa pandangan terhadap pembangunan bangsa. Rencana beliau yang berkenaan usaha untuk memajukan bangsa ialah 'Dunia Dalam Huru-Hara' (*Warta Ahad* 5 September 1938), 'Penyakit Sarawak' (*Utusan Sarawak*; 15 Ogos 1949, 'Kasihkan Bangsa dan Tanahair' (*Utusan Sarawak*; 12 September 1949, 'Mengapa Sarawak Diserah' (*Utusan Sarawak* 3, 10, 17 Oktober 1949) dan Cara-Cara Berhuma Patut Diperbaiki (*Utusan Sarawak*; 26 Disember 1949).

Sekitar penghujung 1940-an adalah tarikh yang agak kritikal di Sarawak apabila isu penyerahan Sarawak kepada British begitu sensitif kepada rakyat Sarawak. Penyerahan Sarawak kepada koloni sebenarnya tidak mendapat persetujuan sebahagian besar orang Melayu. Isu ini yang turut mendorong Muhamad Bujang menulis beberapa rencana tentang penyerahan Sarawak serta kedaulatan negeri Sarawak. Medan yang digunakan oleh beliau untuk menyatakan pandangan serta sikapnya ialah akhbar *Utusan Sarawak*.

Semangat nasionalisme dan keagamaan juga terus menjadi salah satu pendorong kepada perkembangan sastera di Sarawak pada dekad 1976-an, 1970-an, 1980-an dan 1990-an. Walaupun semangat ini tidak diterap dan diperlihatkan secara langsung ke dalam karya tetapi bahang semangat memang tetap ada dan di adun dalam bentuk yang lebih puitis.

### **1.6.2 Perkembangan Pendidikan**

Kemajuan pendidikan merupakan faktor yang paling asas dalam perkembangan kesuasteraan. Pengenalan sistem tulisan membolehkan manusia merakamkan fikiran-fikiran mereka ke dalam bentuk yang lebih bersistem, kekal dan mudah tersebar untuk dinikmati oleh orang lain.

Di Sarawak, perkembangan pendidikan itu sendiri melalui sejarah yang tersendiri pula. Semasa pemerintahan Dinasti Brooke perkembangan pendidikan tidaklah begitu maju. Terlalu sedikit kalangan masyarakat tempatan yang mendapat pendidikan formal.

Masyarakat Melayu pada masa itu boleh dikatakan telah mempunyai sistem pelajaran tetapi dalam bentuk tradisional. Pelajaran seumpama ini biasanya diadakan di surau-surau atau di rumah-rumah ketua kampung yang dikelolakan oleh pemimpin-pemimpin agama.<sup>98</sup>

James Brooke iaitu Rajah Sarawak pertama tidak dapat menumpukan perhatian kepada pembangunan pendidikan rakyat Sarawak. Perkara ini dapat

---

<sup>98</sup>Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, hlm. 66.

diterima kerana pada ketika itu beliau masih sibuk mengamankan negeri dari ancaman orang Melayu dan Iban yang menentang pemerintahannya. Pembangunan pendidikan sebahagian besarnya diserahkan kepada Mubaligh Kristain. Beliau menyokong sekolah Mission dengan memberikan bantuan kewangan kepada para mubaligh yang mengusahakan sekolah berkenaan di Sarawak.<sup>99</sup>

Pendidikan secara formal untuk anak-anak Melayu menurut Sanib Said hanya dapat dilihat dengan jelas semasa pemerintahan Charles Brooke, Rajah Sarawak Kedua. Itupun secara yang tidak begitu dirancang.

Pada peringkat awal, isteri Charles Brooke iaitu Ranee Margaret tertarik mendengar cerita-cerita rakyat dan cerita-cerita legenda yang mengandungi syair yang diceritakan oleh isteri-isteri pembesar Melayu di Astana.<sup>100</sup> Oleh itu beliau mencadangkan kepada Datu Isa, untuk menubuhkan kelas khusus untuk kaum wanita belajar menulis dan membaca. Cadangan Ranee Margaret tidak dipersetujui oleh Datu Isa kerana dikhuatiri wanita yang pandai menulis menyalahgunakan kepandaian mereka untuk menulis surat cinta.

Ranee Margaret secara diam-diam telah meminta Inchi Sawal mengajarnya membaca dan menulis jawi. Beliau akhirnya pandai membaca Quran. Ini mendorong Datu Isa menyuruh manantu perempuannya Dayang Sahada turut belajar di Astana. Hasil kelas tersebut Dayang Sahada berjaya menulis sejarah Sarawak dan ini mendorong pula Datu Bandar Abang Kassim iaitu suami Dayang Sahada menubuhkan kelas di rumahnya.

---

<sup>99</sup>*Ibid.*, hlm. 70.

<sup>100</sup>Sanib Said, *Malay Politics In Sarawak: The Search For Unity and Ascendancy*, hlm. 22.

Charles Brooke melihat perkembangan ini secara positif lalu mengarahkan dibuat bangunan berasingan bagi menampung murid yang terlalu sesak. Maka pada tahun 1889 terbina sekolah formal Melayu yang pertama yang dinamakan Sekolah Abang Kassim dengan murid sebanyak 117 orang.<sup>101</sup>

Bagaimanapun menurut Vernon L. Porrit dalam bukunya *British Colonial Rule In Sarawak 1946 – 1963* 1997 yang memetik pendapat Ooi Keat Gin dalam *Journal of Southeast Asian Studies*, September 1990, sekolah Melayu yang pertama didirikan di Kampung Jawa pada tahun 1883.<sup>102</sup>

Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram juga dalam kajian mereka terhadap perkembangan pendidikan di Sarawak turut mencatatkan bahawa sekolah Melayu yang pertama ditubuhkan pada tahun 1883. Sekolah ini dikenali dengan nama Sekolah Abang Kassim.<sup>103</sup>

Kejayaan sekolah Abang Kassim mendorong penubuhan sekolah formal yang kedua di Sarawak iaitu sekolah Inchi Bakar pada tahun 1893. Inchi Bakar sebagai pengasas juga merupakan guru besar sekolah ini.<sup>104</sup> Perkembangan ini seterusnya membawa kepada penubuhan sekolah Melayu di beberapa daerah Sarawak iaitu di Sibu pada tahun 1889, Oya pada 1912 dan Bintulu pada 1917.

---

<sup>101</sup>*Ibid.*, hlm. 23.

<sup>102</sup>Vernon L. Porrit, *British Colonial Rule In Sarawak 1946 1963*, Oxford University Press, New York, 1997, hlm. 293.

<sup>103</sup>Syed Idrus Syed Ahmad dan R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, 46-47.

<sup>104</sup>Sanib Said, *Malay Politics In Sarawak: The Search For Unity and Ascendancy*, hlm. 23.

Penubuhan Madrasah Melayu di Kuching pada tahun 1931 dapat dikaitkan dengan perkembangan sastera di Sarawak. Sekolah ini yang juga dikenali sebagai Malay College dihasratkan oleh kerajaan Brooke untuk memberi pendidikan tinggi dalam bidang pertanian, kejuruteraan, perhutanan, ukur tanah dan latihan perguruan kepada rakyat Sarawak. Sekolah ini menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Pada tahun 1933 Madrasah Melayu merupakan salah satu sekolah yang terbesar di Sarawak dengan jumlah murid sebanyak 400 orang.<sup>105</sup>

Beberapa pelajar sekolah ini dihantar ke Maktab Perguruan Sultan Idris, Tanjung Malim Perak untuk melanjutkan pengajian dalam bidang latihan perguruan. Salah seorang dari kumpulan kedua anak Sarawak yang dihantar MPSI ialah Muhamad Bujang. Beliau bersama Cikgu Yusof Johari telah dihantar pada tahun 1935 dan balik pada tahun 1938.

Pendidikan yang membolehkan sebahagian rakyat membaca dan menulis secara langsung memberi sumbangan kepada bidang sastera. Dengan penerbitan akhbar iaitu *Utusan Sarawak* bermula pada tahun 1949 turut melahirkan golongan penulis dan sekali gus pembaca. Suasana ini menjadi asas kepada perkembangan penulisan baik rencana, puisi, maupun sketsa.

Apabila British mengambil alih pemerintahan Sarawak dari Dinasti Brooke bermula pada 1 Julai 1946, bidang pendidikan mula mendapat perhatian yang lebih serius. Keutamaan ditumpukan kepada melatih guru untuk mengajar di sekolah-sekolah. Maka pada tahun 1948 Batu Lintang Training College (BLTC)

---

<sup>105</sup>Ibid., hlm. 23.

telah ditubuhkan. Dan hasilnya guru-guru yang terlatih dari maktab perguruan ini ditempatkan di sekolah seluruh negeri.

Dengan sistem pendidikan yang semakin baik serta purata kenal huruf yang semakin meningkat kerajaan British mula memikirkan untuk menyediakan bahan bacaan yang sesuai untuk rakyat di Sarawak, Brunei dan Borneo Utara. Maka rancangan telah diatur untuk menubuhkan pula Biro Kesusastraan Borneo (BLB) yang khusus menerbitkan buku-buku yang bersesuaian untuk bacaan di sekolah-sekolah. Pada tahun 1959 BLB ditubuhkan di Kuching untuk tujuan tersebut.

Penubuhan BLB yang menerbitkan bahan bacaan berunsur sastera seperti cerita rakyat, puisi, cerita pendek, novel dan buku umum mencetuskan minat terhadap sastera. Ini berpunca dari kenal huruf yang agak tinggi hasil sistem persekolahan yang semakin meluas di seluruh Sarawak. Namun pada peringkat awal penubuhan BLB buku-buku yang dicetak sebahagian besarnya adalah dalam bahasa Inggeris dan Cina. Ini disebabkan oleh murid sekolah Inggeris dan sekolah Cina jauh lebih ramai berbanding murid sekolah vernakular Melayu dan kaum lain.

Apabila DBP mengambil alih peranan dan fungsi BLB pada tahun 1976, bidang sastera terus mendapat perhatian yang amat serius. Selepas Sarawak merdeka membentuk Malaysia pada tahun 1963, sistem pendidikan di Sarawak bertambah baik dan penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah mula dikurangkan secara berperingkat.

Penggunaan bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar yang utama di sekolah-sekolah mulai tahun 1976 di darjah satu. Penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di sekolah kerajaan berakhir sepenuhnya pada tahun 1985 dengan kumpulan pertama aliran bahasa Malaysia mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekutuan (STP) menggantikan High School Certificate (HSC)<sup>106</sup>. Sementara sekolah Cina dimestikan mengajar subjek bahasa Melayu dalam kurikulum pendidikan mereka.

Penggunaan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar di sekolah kerajaan langsung meningkatkan minat pelajar kepada sastera. Buku-buku terbitan DBP memenuhi sebahagian besar koleksi di perpustakaan sekolah. Pengajaran subjek sastera di sekolah juga menjadi faktor penting kepada perkembangan sastera.

Pada tahun 1970-an, 1980-an dan 1990-an hampir sebahagian besar pelajar di sekolah di Sarawak mengenali sastera. Di sekolah sekarang aktiviti kesusasteraan seperti peraduan menulis kreatif, pertandingan bercerita, berpantun, bersyair, deklamasi puisi, lagu puisi serta pementasan drama dan teater menjadi kegiatan yang popular.

Perkembangan mutakhir dalam bidang pendidikan di Malaysia sekarang menyaksikan kerajaan menyedari kepentingan subjek sastera dalam kurikulum yang diajar di sekolah. Maka Menteri Pendidikan Dato' Seri Najib Tun Abdul Razak mengumumkan bahawa mulai tahun 2000 pelajar sekolah akan

---

<sup>106</sup>Syed Idrus dan R. Santhiram, *Perkembangan Pendidikan di Sarawak*, hlm. 245.

diwajibkan membaca teks sastera yang akan ditentukan oleh Kementerian Pendidikan.<sup>107</sup>

Langkah ini sudah pasti mengembalikan kepentingan sastera dalam sistem pendidikan di Malaysia. Secara langsung perkembangan sastera akan menjadi lebih mantap sesuai dengan keperluan negara dalam memasuki negara industri sepenuhnya menjelang tahun 2020.

### **1.6.3 Penubuhan Badan atau Agensi Khusus Menangani Hal-hal Kebahasaan dan Kesusteraan**

Perkembangan Sastera di Malaysia umumnya sangat dipengaruhi oleh penubuhan badan atau agensi khusus menangani hal-hal yang berkaitan dengan bahasa dan sastera oleh kerajaan. Badan khusus yang diberi tanggungjawab membina, mengembangkan dan memasyarakatkan bahasa dan sastera di Malaysia ialah Dewan Bahasa dan Pustaka. Badan ini ditubuhkan pada 22 Jun 1956 di Johor Bahru sebelum berpindah ke Kuala Lumpur pada Julai 1957.<sup>108</sup>

Cawangan DBP di Sabah dan Sarawak ditubuhkan pada tahun 1976. Ia mengambil alih peranan dan fungsi Biro Kesusteraan Borneo (BLB). Dengan penubuhan cawangannya di Sabah dan Sarawak bermakna usaha pembinaan,

---

<sup>107</sup>Kementerian Pendidikan telah mewajibkan pelajar sekolah menengah membaca buku-buku sastera yang dipilih oleh Kementerian berdasarkan kesesuaian dan tahap pelajar. Teks yang dipilih ialah novel, cerpen dan drama sastera klasik yang mengandungi pengajaran yang positif. Pelaksanaan perkara ini dijangkakan bermula pada tahun 2000 atau 2001.

<sup>108</sup>Dewan Bahasa dan Pustaka Tonggak Bahasa Melayu ke Pentas Dunia, Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 1995, hlm. 1.

pengembangan dan pemasyarakatan bahasa dan sastera di Malaysia dipertanggungjawabkan kepada satu agensi khusus sahaja.

Di Sarawak pembinaan dan pengembangan sastera sebelum penubuhan cawangan DBP pada tahun 1976, dijalankan oleh BLB. Badan ini ditubuhkan oleh kerajaan Inggeris dengan fungsi menyediakan penerbitan buku teks sekolah, bahan bacaan umum serta membantu jabatan kerajaan dalam penerbitan dan percetakan dokumen rasmi kerajaan.<sup>109</sup>

Peranan BLB dalam menyediakan bahan bacaan berunsur sastera seperti puisi, cerita pendek, cerita rakyat dan buku-buku umum dalam bahasa Melayu memberikan kesan kepada minat dan penghayatan terhadap sastera di Sarawak. Penjualan buku sastera mendapat sambutan dan ada beberapa buku yang diulang cetak bagi menampung keperluan masyarakat. Sepanjang tempoh kewujudannya (1960 hingga 1976) sebanyak 577 judul buku telah diterbitkan oleh BLB.<sup>110</sup>

Majalah bulanan BLB iaitu *Dolphin* (Bahasa Inggeris), *Dolphin* (Bahasa Cina), *Nendak* (Bahasa Iban) dan *Perintis* (Bahasa Melayu) begitu mendapat sambutan pembaca. Majalah ini khusus untuk pelajar sekolah, sekali gus menggalakkan minat mereka kepada bidang sastera.

Selain menerbitkan buku, BLB juga mengadakan peraduan menulis sastera kreatif. Penyertaan daripada orang ramai dari setahun ke setahun sentiasa bertambah. Hasil peraduan yang bermutu kemudian diterbitkan.

---

<sup>109</sup>*Laporan Tahunan BLB* 1960, hlm. 2.

<sup>110</sup>*Laporan Tahunan BLB* 1960 – 1976.

Antara hasil peraduan yang diterbitkan ialah novel *Nyonya* oleh John. M. Chin (1962) dan novelet *Menunggu Esok* oleh Salbiah Painah (1970).

Pada era BLB beberapa penulis dilahirkan baik melalui peraduan maupun melalui karya mereka yang diterbitkan. Antara yang lahir daripada peraduan ialah Salbiah Painah dan John M. Chin. Sementara karya mereka yang diterbitkan oleh BLB ialah Madzhi Johari, Ahmad Sabu, Ibrahim Saad, Aidy Haji Mahli, Latifah Haji Shebli, Meliah Haji Shebli, Noraini Haji Salleh dan Abang Abdul Razak Abang Medaan.

BLB juga bertanggungjawab mengedar dan memasarkan buku-buku terbitannya kepada pengguna di seluruh Sarawak, Sabah dan Brunei. Bagi melaksanakan tanggungjawab ini beberapa kedai buku dilantik sebagai penjual buku BLB di seluruh Sarawak. Ini memudahkan masyarakat mendapatkan buku-buku untuk bacaan umum termasuklah buku sastera.

Apabila DBP Cawangan Sarawak mengambil alih fungsi dan peranan BLB dalam bidang membina, mengembangkan dan memasyarakatkan bahasa dan sastera kebangsaan pada tahun 1976 usaha ke arah ini semakin digiatkan. Perancangan dan pelaksanaan kegiatan bahasa dan sastera dilakukan dengan lebih teliti, lebih terancang, kemas dan lebih menyeluruh.

Kesannya, bermula pada tahun 1976 hingga 1998 bidang sastera menjadi begitu popular dan sudah mendapat tempat di hati masyarakat di Sarawak. Usaha pembinaan bakat penulis di Sarawak.

Beberapa siri bengkel penulisan anjuran DBP Cawangan Sarawak diadakan bagi memberikan pendedahan, kemahiran dan ilmu penulisan kreatif

kepada penulis di Sarawak. Kesan daripada usaha ini beberapa penulis yang mantap dalam aspek seni penulisan dan ilmu bantu berkaitan dapat dihasilkan. Antara penulis yang terus meningkat dan semakin produktif selepas menghadiri beberapa siri bengkel penulisan ialah Jong Chian Lai, Jamilah Morshidi, Jais Sahok, Abizai Abi, Zakeria Embi, Jaafar Hamdan, Buang Haji Umar, Hajijah Jais, Abang Mediaan Abang Said, Dahiri Saini dan Abang Kassim Abang Bujang.

Kesan langsung bengkel penulisan juga terlihat melalui siri peraduan penulisan kreatif anjuran DBP mahupun agensi lain. Sebahagian besar pemenang utama adalah daripada kalangan mereka yang pernah menyertai bengkel ataupun bimbingan anjuran DBP Cawangan Sarawak. Melalui peraduan menulis sastera kreatif muncul beberapa penulis dan karya yang bermutu. Antara mereka yang muncul hasil peraduan ialah Jamilah Morshidi, Awang Rosli Awang Jaya, Jong Chian Lai, Awangku Merali Pangeran Mohamed, Jais Sahok, Jeli Bohari Biha, Dahiri Saini, Abang Median Abang Said, Sriwati Labot dan Jaafar Hamdan.

Pengembangan dan pemasyarakatan sastera di Sarawak dimantapkan lagi dengan projek ceramah khas sastera dan penulisan kreatif di sekolah dan maktab perguruan. Projek ini khusus mendedahkan bidang sastera dan penulisan kreatif kepada pelajar sekolah menengah di seluruh Sarawak. Dalam tempoh 1993 hingga 1998 sahaja sebanyak 30 siri ceramah yang melibatkan 30 buah sekolah seluruh bahagian di Sarawak.<sup>111</sup>

---

<sup>111</sup>Laporan Prestasi Unit Pengembangan Sastera DBP Cawangan Sarawak 1998.

Secara langsung projek ini membantu meningkatkan kefahaman serta minat pelajar sekolah terhadap bidang sastera dan penulisan kreatif. Perkara ini dapat dibuktikan melalui penyertaan pelajar sekolah dalam peraduan penulisan puisi dan cerpen yang dianjurkan oleh DBP Cawangan Sarawak. Dalam peraduan penulisan cerpen anjuran DBP Cawangan Sarawak 1998 sebanyak 186 penyertaan daripada pelajar sekolah diterima oleh pengajur.<sup>112</sup>

Penerbitan karya penulis juga menjadikan bidang sastera di Sarawak terus berkembang. Sepanjang tempoh 1980 hingga 1998 sebanyak 66 judul buku sastera telah diterbitkan oleh DBP Cawangan Sarawak.<sup>113</sup> Sebahagian besar buku-buku tersebut adalah karya penulis Sarawak sama ada hasil peraduan menulis, hasil bengkel mahupun kumpulan karya yang tersiar dalam akhbar tempatan (Sarawak) mahupun akhbar kebangsaan.

Selain DBP Cawangan Sarawak, agensi lain yang turut bertanggungjawab dalam memantapkan penggunaan bahasa Melayu ialah Unit Bahasa Malaysia (UBM), Jabatan Ketua Menteri Sarawak. Unit ini khusus mengendalikan kegiatan dan pelaksanaan penggunaan bahasa kebangsaan dalam urusan rasmi pentadbiran awam kerajaan negeri Sarawak.

Kegiatan utama UBM ialah menambah dan meningkatkan kemahiran kakitangan kerajaan di Sarawak dalam bahasa Melayu. Kegiatan utama yang sering diadakan ialah kursus Bahasa Melayu untuk kakitangan kerajaan.

Di samping kegiatan khusus kebahasaan, UBM juga menganjurkan kegiatan sastera. Tujuannya adalah sebagai pemangkin kepada kegiatan

---

<sup>112</sup>Laporan Prestasi Unit Sastera Moden DBP Cawangan Sarawak 1998.

<sup>113</sup>Sumber Unit Penerbitan DBP Cawangan Sarawak, 1998.

bahasa yang sedia ada. Kegiatan yang diadakan adalah seperti bengkel deklamasi puisi, sayembara deklamasi puisi, bengkel teater dan ceramah sastera.<sup>114</sup>

UBM adalah unit yang akan bekerjasama dengan DBP atau mana-mana badan lain yang menganjurkan kegiatan bahasa dan sastera di Sarawak. Bantuan berbentuk dana daripada kerajaan negeri Sarawak kepada kegiatan bahasa dan sastera akan diselaras dan disalurkan melalui UBM. Dengan demikian peranan serta sumbangan UBM juga banyak membantu perkembangan sastera di Sarawak.

#### **1.6.4 Sokongan dan Galakan Kerajaan**

Kemajuan kesusasteraan kebangsaan di Sarawak memang tidak mungkin berada pada tahap sekarang jika tidak mendapat sokongan dan galakan penuh kerajaan. Sokongan daripada kerajaan negeri serta kerajaan pusat baik berbentuk bantuan dana, prasarana sastera mahupun pengiktirafan kepada sumbangan penulis dan penggiat sastera dalam pemangkin kepada perkembangan sastera secara keseluruhannya.

Pada tahap awal iaitu tahun-tahun 1930-an hingga 1950-an tidak ada sokongan dan galakan yang jelas daripada pemerintah kepada kegiatan bahasa dan sastera. Namun demikian, semasa Dinasti Brooke menaungi Sarawak iaitu ketika Rajah Charles Brooke memerintah pada tahun 1868-1917 beliau tidak

---

<sup>114</sup> Antara kegiatan sastera yang dijalankan oleh UBM ialah Bengkel Deklamasi Puisi. Bengkel ini dibimbing oleh A. Samad Said dan Abdul Aziz H. M diadakan hampir di semua daerah utama di Sarawak pada tahun 1996.

menghalang kegiatan sastera diadakan di Astana. Ini dapat dibuktikan apabila isterinya Ranee Margaret sering mengajak isteri Datu-datu iaitu pembesar Melayu berkumpul di Astana sambil mendengar cerita-cerita rakyat dan cerita legenda. Dalam cerita tersebut syair turut diperdengarkan.

Ranee Margaret amat tertarik mendengar syair dan ingin membaca sendiri syair daripada hikayat-hikayat yang bertulis jawi. Dengan sebab inilah beliau mencadangkan agar diusahakan agar anak-anak Melayu belajar membaca dan menulis di Astana. Cadangan ini pada mulanya tidak disetujui oleh Datu Isa atas alasan ia mungkin membawa pengaruh tidak baik kepada anak-anak perempuan Melayu. Tetapi akhirnya atas usaha Ranee Margaret sekolah formal Melayu yang pertama ditubuhkan pada tahun 1883.

Minat dan kekaguman Ranee Margaret kepada syair menjelaskan bahawa pemerintah secara tidak langsung menyokong dan menggalakkan kegiatan bersastera ketika itu. Charles Brooke pula tidak menghalang malah menyokong penubuhan sekolah formal kepada anak-anak Melayu. Maka Dayang Sahada antara murid terawal sekolah formal Melayu yang dipelopori oleh Inci Sawal berjaya menulis *Hikayat Sarawak*. Penulisan Hikayat ini berkemungkinan besar atas galakan Ranee Margaret juga.

Sokongan dan galakan pemerintah juga secara tidak langsung terdapat semasa pemerintahan British. Ini khususnya melalui penubuhan BLB pada tahun 1959 di Kuching. BLB adalah badan kerajaan yang bertanggungjawab menerbitkan buku-buku untuk bacaan murid sekolah serta masyarakat di Sarawak, Borneo Utara dan Brunei.

Perkara ini dijelaskan dalam salah satu fungsi utama penubuhan BLB yang menyatakan bahawa:

*To encourage local authorship, and by this and other means obtain material suitable to meet local needs and arrange for its publication and distribution.<sup>115</sup>*

Penerbitan buku teks dan buku bacaan umum dengan keutamaan dalam buku bahasa Melayu oleh BLB secara langsung menggalakkan perkembangan sastera di Sarawak. Kerajaan British sedar bahawa keperluan menyediakan bahan bacaan yang sesuai untuk rakyat di Sarawak merupakan tugas pemerintah. Maka dana tahunan telah disediakan bagi menggerakkan pengurusan, operasi dan kegiatan BLB.

Galakan dan sokongan kerajaan negeri terhadap kegiatan kesusasteraan semakin kukuh melalui penubuhan cawangan DBP di Sarawak pada tahun 1976. Sebagai badan kerajaan yang ditubuhkan khas untuk pembinaan dan pengembangan bahasa dan sastera kebangsaan, DBP diberi tanggungjawab penuh dalam menjalankan kegiatan kebahasaan dan kesusasteraan. Penubuhan DBP dan cawangannya di Sarawak adalah petanda jelas galakan dan sokongan kerajaan kepada bahasa dan sastera. Bahkan perkara ini

---

<sup>115</sup>*Laporan Tahunan BLB, 1961.*

termaktub dalam salah satu matlamat penubuhan DBP; Memaju bakat kesusasteraan terutama dalam bahasa kebangsaan.<sup>116</sup>

DBP Sarawak juga telah merancang dan melaksanakan kegiatan pembinaan dan pengembangan sastera sama ada melalui bimbingan penulisan, seminar, bengkel, peraduan menulis sastera kreatif dan penerbitan karya sastera. Kegiatan ini amat mempengaruhi perkembangan sastera.

Kerajaan negeri Sarawak pula sentiasa membantu usaha yang dijalankan oleh DBP Cawangan. Anugerah Sastera Negeri Sarawak (ASNS) yang diperkenalkan pada tahun 1995 adalah kemuncak kepada galakan dan sokongan kerajaan negeri kepada bidang sastera.

Matlamat pembentukan ASNS oleh kerajaan negeri Sarawak dengan jelas menyebut:<sup>117</sup>

1. Memberi penghargaan kepada sumbangan penulis dan sekali gus mendorong mereka untuk berkarya dengan lebih giat.
2. Menggalakkan penulis di Sarawak, secara umumnya untuk mendekati bidang penulisan dengan lebih serius dan bertanggungjawab.
3. Membantu ke arah peningkatan dan kemajuan sastera kebangsaan di negeri ini.
4. Meningkatkan imej dan prestasi bidang sastera atau penulisan pada keseluruhannya.

Melalui ASNS, kerajaan negeri memberikan pengiktirafan tertinggi kepada para penulis dan penggiat sastera yang telah menyumbang kepada bidang

---

<sup>116</sup>Dewan Bahasa dan Pustaka: *Tonggak Bahasa Melayu Ke Pentas Dunia Bahasa Modern*, hlm. 7.

<sup>117</sup>Kertas Konsep Anugerah Sastera Negeri Sarawak (ASNS), Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Sarawak, 1994.

sastera di Sarawak. ASNS mendapat dana tahunan yang tetap daripada kerajaan negeri Sarawak melalui Kementerian Pembangunan Sosial Sarawak.<sup>118</sup>

Malah Sarawak adalah satu-satunya negeri di Malaysia yang mengadakan anugerah sastera negeri yang memperuntukkan wang tunai 20000 ringgit kepada penerima hadiah utama yang dikenali sebagai Anugerah Sastera Negeri Sarawak. Majlis pengurniaan ASNS secara tradisinya disempurnakan oleh Tuan Yang Terutama Yang Dipertua Negeri Sarawak dalam suasana yang penuh istiadat. Dan ia adalah salah satu majlis negeri yang berprestij. Ini adalah gambaran yang cukup jelas akan pengiktirafan dan sokongan kerajaan negeri kepada bidang sastera di Sarawak.

Selain itu kerajaan negeri juga telah menyediakan prasarana yang agak lengkap kepada penggiat sastera. Antaranya pembinaan Auditorium Tun Ahmad Zaidi di Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching adalah untuk kegunaan penggiat drama dan teater.<sup>119</sup>

Dan yang terkini, kerajaan negeri Sarawak telah memberi peruntukan khas sebanyak 13,000 ringgit Malaysia kepada Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching untuk melaksana dan mengendalikan pesta drama peringkat Maktab Perguruan di Sarawak pada tahun 2000.<sup>120</sup> Simbolisnya ini adalah sokongan dan

<sup>118</sup>Anugerah Sastera Negeri Sarawak (ASNS) menyediakan 6 kategori: (1) Anugerah Sastera Negeri Sarawak, (2) Hadiah Sastera Kebangsaan Negeri Sarawak, (3) Hadiah Sastera Sukuan Negeri Sarawak, (4) Hadiah Penulis Harapan, (5) Hadiah Penggiat Sastera, (6) Hadiah Penyumbang Khas Bahasa dan Sastera. Anugerah Utama, Anugerah Sastera Negeri Sarawak diberi hadiah RM20,000. Setakat ini sejak ASNS dimulakan pada tahun 1995, dua tokoh penulis telah dipilih untuk menerima anugerah utama. Penerima tersebut ialah Haji Mohamad Bujang (1995) dan Muhamad Rakawi Yusuf (1996).

<sup>119</sup>Temubual dengan Encik Razali Haji Yu, Pensyarah Kanan Bahasa Melayu, Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching pada 9 Ogos 1999.

<sup>120</sup>Temubual dengan Encik Razali Haji Yu, 9 Ogos 1999.

galak penuh kerajaan kepada kegiatan bersastera di Sarawak yang mencetuskan perkembangan sastera yang lebih mantap di negeri ini.

### **1.6.5 Peranan Persatuan Penulis**

Perkembangan sastera kebangsaan dalam konteks yang lebih luas memang dipengaruhi juga oleh kewujudan persatuan penulis. Di peringkat nasional, Gabungan Persatuan Penulis Nasional (GAPENA) yang ditubuhkan pada tahun 1970 merupakan sebuah badan penulis yang begitu banyak membantu membina, mengembangkan dan memasyarakatkan sastera.

Sebagai badan induk, GAPENA adalah payung kepada sebahagian besar kegiatan sastera yang dianjurkan oleh persatuan di seluruh negara. Bahkan badan ini merupakan perantara bagi DBP dalam melaksanakan kegiatan kesusteraan yang melibatkan ahli gabungan GAPENA di Malaysia.

Pengalaman yang hampir serupa juga dilalui oleh perkembangan sastera di Sarawak. Pada tahap tahun-tahun 1930-an, tidak terdapat dengan jelas kewujudan persatuan penulis di Sarawak. Bagaimanapun Sanib Said menyatakan bahawa Muhamad Rakawi Yusuf merupakan anak Sarawak yang pertama menyertai Persaudaraan Sahabat Pena (PASPAM) iaitu sebuah pertubuhan yang bercorak sosial dan kebudayaan yang ditubuhkan di Semenanjung dalam tahun 1934.<sup>121</sup>

---

<sup>121</sup>Sanib Said, *Malay Politics In Sarawak: The Search For Unity and Ascendancy*, hlm. 27.

Ada pendapat mengatakan bahawa Muhamad Rakawi Yusuf adalah orang yang bertanggungjawab mengembangkan cawangan PASPAM di Sarawak pada tahun 1936. Beliau dikatakan pernah menghadiri perhimpunan pertubuhan ini di Singapura.<sup>122</sup>

Hakikatnya PASPAM ialah sebuah pertubuhan yang mendukung dasar 'Hidup Bahasa Hiduplah Bangsa' dengan matlamat yang lebih khusus untuk menimbulkan semangat kebangsaan di kalangan orang Melayu di Tanah Melayu, Singapura, Borneo, Sarawak dan Brunei. Jelas ada unsur politik dalam pergerakan PASPAM yang berselindung di sebalik kegiatan bahasa dan sastera.

Dengan pengembangan cawangannya di Sarawak, PASPAM sebenarnya membantu pembentukan semacam ikatan kemesraan berpersatuan di kalangan penulis dan peminat sastera di negeri ini.<sup>123</sup> Maka pertubuhan ini membantu membangkitkan satu barisan penulis pelapis bagi mewujudkan kesinambungan usaha yang telah dirintis oleh Muhammad Rakawi Yusuf.

Pendedahan serta pengalaman penulis Sarawak yang menganggotai PASPAM menjadikan mereka lebih berani menyatakan pandangan serta kritikan kepada pemerintah, khususnya melalui *Fajar Sarawak*. Perkara ini terutamanya disuarakan sendiri oleh Muhammad Rakawi Yusuf iaitu berkaitan dasar pelajaran Brooke. Kesannya beberapa anak Sarawak telah dihantar ke Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim Perak untuk menjalani latihan perguruan.

Tidak ada rujukan yang pasti tentang siapakah penulis Sarawak yang pernah menjadi ahli PASPAM di Sarawak selain Muhammad Rakawi Yusuf,

---

<sup>122</sup>R.H.W. Reece, Kata Pengantar, hlm. xvi.

<sup>123</sup>Mohamad Driss, "Perkembangan Kesusasteraan Malaysia di Sarawak dari Sudut Sejarah", hlm. 60.

tetapi diyakini mereka ialah teman-teman seperjuangan beliau seperti Haji Abdul Rahman Haji Kassim, Haji Daud Abdul Ghani, Mohamad Johari Anang, Mohamad Mamon Nor dan Mohamad Awang Anang.

Kesedaran berpersatuan yang lebih jelas yang mungkin dipengaruhi oleh perkembangan di Tanah Melayu sekitar awal 1950-an dapat dilihat melalui tulisan Parker 51 Malaya. Beliau mengutarakan pandangan tentang perlunya ditubuhkan sebuah persatuan penulis di Sarawak melalui tulisan beliau dalam *Utusan Sarawak*, 24 April 1952 yang berjudul 'Badan Persuratan Sarawak'.<sup>124</sup>

Parker 51 Malaya iaitu salah seorang penulis Sarawak menyarankan agar diwujudkan sebuah badan persuratan untuk menghimpun dan menyatukan penulis di Sarawak bagi mencapai cita-cita yang sama iaitu menimbulkan rasa sayang pada bahasa pertiwi, kerana melalui bahasa Melayu anak bangsa akan dapat berjaya dalam pelajaran.

Saranan Parker 51 Malaya itu mendapat reaksi yang positif daripada Wasli Abu Talib. Beliau mengulas pandangan Parker 51 Malaya itu melalui rencana yang berjudul 'Inilah Masanya Patut Diketengahkan' yang disiarkan dalam akhbar yang sama.<sup>125</sup> Wasli telah melahirkan keyakinan bahawa para penulis pasti menyambut baik cadangan itu terutama bagi mereka yang turut menyumbang dalam *Utusan Sarawak*.<sup>126</sup>

---

<sup>124</sup>*Ibid.*

<sup>125</sup>*Utusan Sarawak*, 24 April 1952.

<sup>126</sup>*Utusan Sarawak*, 24 Julai 1952.

Kesedaran serta keyakinan penulis tentang keperluan membentuk sebuah persatuan penulis di Sarawak pada tahun 1951 itu memperlihatkan bahawa mereka percaya akan peranan persatuan penulis. Seperti yang dinyatakan oleh Parker 51 Malaya dalam rencananya itu persatuan dapat membangkitkan hati rakyat kepada cita-cita yang sama dalam perjuangan mendaulatkan bahasa pertiwi.

Tetapi selepas reaksi Wasli Abu Talib, tidak terdapat reaksi dari penulis lain terhadap cadangan penubuhan persatuan penulis.

Cadangan tersebut hanya tinggal cadangan sehingga pada tahun 1962 Angkatan Sasterawan Sarawak (ANNSAR) ditubuhkan. Persatuan ini antara lain dipelopori oleh Abdul Taib Mahmud, seorang peguam muda.

Penubuhan ANNSAR menurut Mohamad Driss juga dipengaruhi oleh penubuhan PENA (Persatuan Penulis Nasional) dalam tahun 1961 di Tanah Melayu.<sup>127</sup> Bagaimanapun penubuhan ANNSAR bermotifkan politik di samping memperjuangkan nasib bahasa dan sastera Melayu ketika itu.

Walaupun ada motif lain iaitu politik, persatuan yang tidak sempat didaftarkan ini dengan jangka hayat yang singkat telah dapat menghimpunkan beberapa penulis seperti Kaderi Wai (penyair), Hanis Mahli (karyanya pernah tersiar dalam majalah *Mutiara* dan *Hiburan*), Mortadza Haji Daud, Dayang Saptuyah dan beberapa orang lagi.<sup>128</sup> Jelas sekali pada ketika itu kesedaran untuk menjalankan kegiatan sastera melalui persatuan penulis

---

<sup>127</sup> Mohainad Driss, "Perkembangan Kesusastraan Melayu di Sarawak dari Sudut Sejarah", hlm. 65.

<sup>128</sup> *Ibid.*, hlm. 67.

sudah timbul. Kalangan penulis yang berkenaan yakin bahawa pengembangan bahasa dan sastera Melayu turut memerlukan persatuan penulis untuk menjayakannya.

Sumbangan persatuan penulis dalam perkembangan sastera di Sarawak lebih konkrit melalui penubuhan Persatuan Bahasa dan Sastera Malaysia Sarawak (PEBAS) pada tahun 1970. Penubuhan persatuan ini di Sarawak dikaitkan dengan pembentukan GAPENA di Semenanjung Malaysia. PEBAS mendukung cita-cita mengangkat martabat bahasa dan sastera Melayu di Sarawak melalui beberapa cara.

Cara yang digunakan oleh persatuan yang sebahagian ahlinya terdiri daripada penulis yang aktif menulis dalam Utusan Sarawak adalah melalui penyelidikan, pemelajaran dan penulisan bahasa dan sastera Melayu. Antara penulis yang terlibat dalam PEBAS ialah Wasli Abu Talib, AB. Nor dan Nawi Abdul Rahman (NAR).

PEBAS diterima menjadi ahli gabungan GAPENA pada tahun 1970 yang meletakkannya sebagai Sarawak dalam gabungan tersebut. Usaha dijalankan oleh PEBAS dengan membuka beberapa cawangan di daerah dan bahagian di seluruh Sarawak. Dalam masa yang sama juga ada ura-ura Bung Basri Ismail bekas editor Sinar Jakarta dan harian Waspada Medan juga bekas ahli Persatuan Wartawan Indonesia (PWI) dan bekas ahli Persatuan Wartawan Afro-Asia (PWA) menukuhan Persatuan Angkatan Sasterawan Sarawak (ASAS).<sup>129</sup> Persatuan ini dikatakan sebagai usaha mengidupkan semula ANNSAR dan

---

<sup>129</sup>Ibid., hlm. 70.

memberi saingen kepada PEBAS. Namun ASAS yang dicadangkan itu tidak menjadi kenyataan.

Kegiatan terbesar yang pernah dijalankan oleh PEBAS ialah menyelenggara Hari Sastera 1974 dan Bengkel Penulisan Kreatif 1975. Kedua-dua kegiatan ini dijalankan dengan kerjasama GAPENA. Selain itu, persatuan ini juga pernah menerbitkan *Warta PEBAS* pada tahun 1973 sebanyak dua keluaran dan sebuah antologi puisi stensilan berjudul 'Antologi Karya Sarawak' pada tahun 1974.<sup>130</sup>

Agak malang selepas tahun 1975, PEBAS mulai melalui era kemalapan. Tidak banyak kegiatan kebahasaan dan kesusasteraan yang dijalankan selepas tempoh itu. Pada tahun 1992 PEBAS telah dibatalkan pendaftarannya oleh Pendaftar Syarikat kerana tidak lagi aktif.

Walau apa pun pandangan umum tentang PEBAS namun sejarah mencatatkan badan tersebut sebagai pelopor yang memainkan peranan memperkembang kesusasteraan Melayu di Sarawak hingga ke peringkat nasional.<sup>131</sup>

Ketidakaktifan PEBAS dalam menjalankan kegiatan kesusasteraan meninggalkan ruang kosong kepada penulis di Sarawak untuk bergiat. Perkara ini mendorong sekumpulan penulis di Kuching membentuk satu kelab yang bergiat dalam bidang bahasa dan sastera. Selain untuk memajukan bakat kepenulisan, kelab ini juga bertujuan untuk menyemai fahaman kesusasteraan di

---

<sup>130</sup>Ibid.

<sup>131</sup>Ibid.

kalangan pelajar demi mewujudkan golongan pelapis dalam barisan pemimpin persatuan penulis.<sup>132</sup>

Pada asalnya kelab ini menggunakan nama Keluarga Diskusi Sastera dan kemudian ditukar kepada Kelab Studi Bahasa dan Sastera. Kegiatan utama kelab ini ialah sesi kritik-mengkritik karya sesama ahli di samping perbincangan tentang mata pelajaran sastera untuk ahli yang bakal menduduki SPM. Antara penulis yang terlibat ialah Sazali Mohamad, Mohamad Driss, Saiee Driss, AB Nor, Latifah Haji Shebli, Abdillah SM dan Mohamad Haji Yusuf.

Kesan yang jelas melalui pembentukan kelab ini ialah beberapa puisi karya ahli kelab telah tersiar serentak di *Dewan Sastera* pada bulan September 1977. Puisi berkenaan ialah 'Pesta Batu-Batu' karya Sazali Mohamad, 'Identiti' karya Abdillah SM, 'Satu Demi Satu' karya Mohamad Haji Yusuf, 'Dilema' karya Mohamad Driss dan 'Satu Tragedi' karya Saiee Driss.<sup>133</sup>

Kejayaan sebenar kelab ini dapat dilihat melalui penubuhan persatuan penulis yang dinamakan Angkatan Karya Sarawak (AKS) iaitu singkatan bagi Angkatan Penulis dan Karyawan Malaysia, Sarawak pada penghujung tahun 1979. Keseluruhan ahli kelab Studi Bahasa dan Sastera menjadi ahli AKS.

Penubuhan AKS di Kuching mendorong Jeli Bohari Bihar bersama beberapa rakan penulis di Miri membentuk satu persatuan. Maka pada tahun 1979 Persatuan Penulis Utara Sarawak (PUTERA) ditubuhkan bagi menggerakkan dan menggiatkan suasana bersastera di Miri. Ternyata

---

<sup>132</sup>*Ibid.*, hlm. 72.

<sup>133</sup>*Ibid.*

penubuhan PUTERA memberikan pengaruh yang kuat kepada aktiviti dan minat bersastera di bandar minyak itu.

Berbanding dengan persatuan penulis lain, PUTERA dapat bertahan hingga sekarang sebagai satu-satunya persatuan yang masih aktif. Beberapa kegiatan kesusasteraan besar yang pernah dianjurkan oleh persatuan ini ialah Dialog Teluk pada tahun 1993, Dialog Borneo pada tahun 1995, dan Perkampungan Penulis Sarawak pada tahun 1996. Kegiatan yang bertujuan membina dan memantapkan bakat penulis yang diadakan ialah Bengkel Penulisan Kreatif, Seminar Penulisan Kreatif dan Manifestasi Budaya; kesemuanya diadakan pada tahun 1980.<sup>134</sup> Dalam tahun yang sama juga PUTERA berjaya menerbitkan antologi puisi *Puisi-Puisi Putera I* di samping menghasilkan dua keluaran majalah *Sukses*.

Lanjutannya penulis di Sibu turut bangkit menubuhkan Angkatan Karyawan Kawasan Tengah (ANGKAT). Persatuan ini antara lain dipelopori oleh Kederi Jili dan Openg Onn. Sementara di Saratok, dalam Bahagian Sri Aman, ditubuhkan persatuan yang dikenali sebagai Seni Kreatif Saratok (SAFINA). Malangnya kedua-dua persatuan ini menjadi tidak aktif dan terus berkubur. Perkara ini berlaku kerana pemimpin persatuan berkenaan tidak lagi berada di situ kerana berpindah tempat bekerja.

Keaktifan Angkatan Karya, PUTERA, ANGKAT, dan kewujudan PEBAS pula mendorong kesedaran untuk menubuhkan sebuah gabungan persatuan penulis di Sarawak. Selari dengan aspirasi dan cita-cita Sumpah Budayawan

---

<sup>134</sup> Adi Badiozaman Tuah, "Peranan Persatuan-Persatuan Penulis Dalam Usaha Pembinaan dan Pengembangan Sastera Kebangsaan", dlrm. *Wajah Sastera Sarawak*, hlm. 397.

dan Seniman Muda Sedar Sarawak yang dilafazkan pada 31 Disember 1979, maka pada 27 Mac 1982 Gabungan Persatuan Penulis Sarawak (GPPS) ditubuhkan.

GPPS ditubuhkan atas kesedaran tentang perlunya kegiatan dan gerakan secara kolektif dalam hal-hal penting yang melibatkan penulis, penulisan dan kesusasteraan di negeri ini.<sup>135</sup> GPPS menghimpunkan semua persatuan penulis yang berdaftar di Sarawak iaitu PEBAS, PUTERA dan AKS dengan cogan kata 'Pemupuk, Pembina dan Pengembang Sastera'.

Penubuhan GPPS sebagai salah sebuah persatuan yang menjadi kerabat GAPENA bertujuan membangkitkan kesedaran bersastera, membimbing dan membina bakat penulis, menyediakan ruang penyiaran karya, menganjurkan acara kegiatan sastera, mendokumentasi bahan sastera serta mengadakan kerjasama dengan agensi atau badan lain dalam kesusasteraan kebangsaan.

Peranan GPPS adalah sebagai penyelaras kepada kegiatan persatuan penulis di Sarawak. Sebagai badan induk GPPS menjadi payung kepada persatuan lain di seluruh Sarawak dan menjadi penghubung antara GAPENA dengan persatuan berkenaan. Secara langsung GPPS menjadi penggerak utama kegiatan persatuan penulis.

Di Limbang, atas usaha Zakeria Embi, Pieu Ling, Jamilah Morshidi, Putit Pet, Othman Samin, Zaliha Tuah, Awang Besar dan beberapa orang penggiat lain menubuhkan persatuan Angkatan Karyawan Limbang (AKAL) pada tahun 1991. AKAL yang diterima menjadi ahli gabungan GPPS mula aktif dengan

---

<sup>135</sup>Temubual dengan Saudara Pieu Ling, bekas Ketua Satu AKAL (1993/1995), di Kuching pada 20 Julai 1999.

mengadakan beberapa kegiatan sastera di Bahagian Limbang. Antara kegiatan yang dianjurkan ialah Bengkel Asas Penulisan Kreatif, Perbincangan Hujung Minggu, penerbitan karya dalam bentuk stensilan dan sayembara deklamasi puisi.<sup>136</sup>

Keaktifan AKAL dalam kegiatan sastera di Limbang memberi kesan kepada kelahiran penulis baru. Antara penulis muda yang dilahirkan hasil persatuan ini ialah Benyamin Matussin dan Mahani Tassim. Kedua-dua penulis ini mempunyai bakat yang baik dalam bidang puisi. Benyamin Matussin pernah mewakili Sarawak dalam Sayembara Deklamasi Puisi Hari Kebangsaan pada tahun 1996.

Di Sri Aman pula atas kesedaran untuk menyatukan penulis serta penggiat budaya, usaha digerakkan untuk membentuk sebuah badan kebudayaan. Usaha ini antara lain digerakkan oleh Basri Abdullah, Mohd. Taufek Mohd Said, Hamlin Abolhi dan Abang Kassim Abang Bujang. Mereka bertanggungjawab membentuk Angkatan Karyawan Bersatu Sri Aman (BENAK) pada tahun 1991.

BENAK mempunyai dua sayap iaitu sayap kebudayaan yang meliputi nyanyian, tarian dan hal-hal kebudayaan yang umum. Sayap kedua ialah bidang bahasa dan kesusasteraan. Bagaimanapun sayap kedua ini lebih menyerlah dengan beberapa kegiatan untuk ahlinya. Dengan kerjasama DBP Cawangan Sarawak, BENAK menganjurkan Bengkel Penulisan Cerpen pada tahun 1995 dan Bengkel Penulisan Puisi pada tahun 1996.<sup>137</sup>

---

<sup>136</sup>Laporan Prestasi Unit Pengembangan Sastera 1996.

<sup>137</sup>Laporan Prestasi Unit Pengembangan Sastera 1997.

Selain itu BENAK turut mengadakan beberapa siri acara baca puisi sempena Maulidurasul dan Hari Kebangsaan. Persatuan ini yang juga diterima menjadi ahli gabungan GPPS membantu persatuan induk itu mengadakan Perkampungan Penulis GAPENA di Sri Aman pada tahun 1997.

Pada era keaktifan BENAK telah melahirkan penulis muda wanita yang berbakat iaitu Sriwati Labot. Penulis ini menerima Hadiah Penulis Harapan dalam Anugerah Sastera Negeri Sarawak pada tahun 1997. Hingga kini penulis ini masih aktif menulis cerpen dan sajak.

Di Bintulu pula terdapat sebuah badan kebudayaan dan kesenian yang turut memainkan peranan mengadakan kegiatan sastera. Badan ini dikenali sebagai Persatuan Kebudayaan dan Sastera Bintulu. Persatuan ini juga mempunyai dua sayap utama iaitu sayap kebudayaan dan sayap kesusasteraan.

Sayap kesusasteraan dipimpin oleh Awang Mahmudin Pengiran Haji Bujang. Antara kegiatan yang diadakan oleh persatuan ini ialah Bengkel Penulisan dengan kerjasama DBP Cawangan Sarawak. Pada tahun 1997, sayembara deklamasi puisi, pementasan teater dan menganjurkan Bulan Bahasa Peringkat Bintulu dengan kerjasam Pejabat Residen Bintulu pada tahun 1996.<sup>138</sup>

Kewujudan Persatuan Kebudayaan dan Sastera Bintulu secara langsung membantu usaha memupuk minat kepada bidang sastera di bandar di bahagian tersebut. Melalui persatuan ini juga penulis mapan seperti Rafaiee Ismail dan Lucas Takip terus aktif menulis.

---

<sup>138</sup>Adi Badiozaman Tuah, "Peranan Persatuan-Persatuan Penulis Dalam Usaha Pembinaan dan Pengembangan Sastera Kebangsaan", hlm. 400.

Peranan keseluruhan persatuan penulis dalam membina dan mengembangkan kesusastraan kebangsaan di Sarawak sejak tahun 1930-an hingga sekarang memang ketara. Kemantapan persatuan penulis dalam merancang dan melaksanakan kegiatan sastera di Sarawak adalah kerana pengaruh serta sumbangan GPPS sebagai badan induk yang mewakili persatuan penulis Sarawak dalam GAPENA.

GPPS yang dipertanggungjawabkan memayungi persatuan yang bergabung di bawahnya serta persatuan lain di Sarawak dengan cukup jelas telah memainkan peranan yang berikut:<sup>139</sup>

1. Menimbulkan dan membangkitkan kesedaran bersastera di kalangan penulis dan pencinta sastera.
2. Memupuk minat dan mengasah bakat di kalangan ahli-ahlinya.
3. Membimbing dan mendidik ke arah penciptaan dan penikmatan karya sastera yang bermutu.
4. Menyediakan kemudahan dan kesempatan untuk menghasilkan dan menerbitkan karya sastera dan hasil ciptaan penulis-penulis.
5. Mengadakan berbagai rupa kegiatan yang berkisar di sekitar bahasa dan sastera seperti seminar, forum, bengkel, diskusi, randau dan seumpamanya.
6. Mengumpul segala rupa bahan sastea yang berguna.
7. Bekerjasama dengan badan-badan dan agensi-agensi lain di dalam usaha meningkatkan mutu penggunaan bahasa dan penghasilan sastera kebangsaan.

---

<sup>139</sup>Ibid., hlm. 402.

Sumbangan yang besar persatuan penulis di Sarawak ialah menimbulkan kebangkitan baru yang amat menggalakkan perkembangan sastera kebangsaan di Sarawak akhir-akhir ini melalui kesedaran untuk melibatkan seramai mungkin penulis di dalam usaha raksasa untuk memperkaryakan sastera kebangsaan.